

Jilid I  
Bil. 64



Hari Isnin  
10hb Oktober, 1983

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

### KANDUNGANNYA

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Omar bin Abdullah [Ruangan 9281]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 9281]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 9281]

Cuti Y.B. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud—Kebenaran [Ruangan 9282]

Perletakan Jawatan Y.B. Dato' Lee San Choon [Ruangan 9283]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 9283]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

Bumiputra Malaysia Finance, Hong Kong [Ruangan 9323]


**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 9326]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 9326]

**USUL:**

Korean Air Lines ditembak oleh Soviet Union—Kecaman [Ruangan 9377]



MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG PERTAMA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN**, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

.. Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pelajaran, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAN, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FAUD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 10hb Oktober, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Omar bin Abdullah.

PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA

## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli baru bagi Kawasan Tampin yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Tuan Yang Dipertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"12hb Ogos, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat,  
Dewan Negara telah  
memersetujui Rang Undang-  
undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Paten;
2. Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran);
4. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

TUAN YANG DIPERTUA  
DEWAN NEGARA."

CUTI Y.B. TUAN MOHAMED  
AMIN BIN HAJI DAUD—  
KEBENARAN

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut

ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Pekan selama tiga bulan mulai 20hb September, 1983 hingga 20hb Disember, 1983 kerana beliau menghadiri Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu di New York sebagai salah seorang wakil Kerajaan Malaysia.

**PERLETAKAN JAWATAN Y.B.  
DATO' LEE SAN CHOON**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan iaitu saya telah menerima sepucuk surat pagi ini daripada Yang Berhormat Dato' Lee San Choon, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Seremban dan bekas Menteri Pengangkutan, yang menyatakan bahawa beliau meletakkan jawatan sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat berkuatkuasa dengan serta-merta yang bermakna dari tarikh suratnya, 10hb Oktober, 1983.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dato' Lee San Choon di atas perkhidmatannya sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini semenjak tahun 1959 lagi. Semoga beliau sentiasa di dalam keadaan sihat walafiat.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BADAN PENCEGAH RASUAH**

**1. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah terakhir yang telah diambil untuk memperkuatkan Badan Pencegah Rasuah dan setakat mana

Badan ini telah berjaya membenters rasuah sepanjang dua tahun lalu selaras dengan seruan beliau untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, beberapa langkah penting telah diambil untuk memperkuatkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam usaha pencegahan rasuah di negara ini. Antara langkah-langkah itu ialah:

(1) Pertukaran nama Biro Siasatan Negara (BSN) kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang mana telah diwartakan pada 13hb Mac, 1982 dalam Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dikenali sebagai Akta 271.

Tindakan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk memastikan BPR menumpukan tenaganya kepada tugas-tugas dan tanggungjawab membenters perbuatan penyelewengan dan rasuah semata-mata.

(2) Untuk memperkuatkan dan memberi nafas baru dalam menjalankan kerja-kerja membenters rasuah dan penyelewengan, beberapa langkah penting telah diambil, antaranya penyusunan semula organisasi BPR, mengredkan semula skim-skim perkhidmatan Pegawai Siasatan, Penolong Pegawai Siasatan dan Pembantu Siasatan dan mengadakan kursus dan latihan bagi menambah kepakaran pegawai-pegawai BPR.

(3) Mengesan amalan rasuah dibuat dari semasa ke semasa terutamanya di beberapa jalan masuk ke negara ini seperti di pengkalan agensi-agensi Kerajaan yang menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh BPR seperti dinyatakan di atas telah dapat memberi kesan Rakyat telah memberi panjangan tinggi dan memberi sokongan penuh kepada BPR dalam usaha mencegah berlakunya rasuah.

Pertukaran nama BSN kepada BPR adalah sejajar dengan falsafah Bersih, Cekap dan Amanah dan juga dari segi tugas dan tanggungjawab BPR yang sebenar.

Perangkaan bagi dua tahun kebelakangan memperlihatkan penambahan maklumat yang diterima dan ini adalah bukti bahawa rakyat lebih sedar dan merasa lebih bertanggungjawab mendedahkan kegiatan rasuah di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan orang ramai.

Perangkaan, siasatan dan tangkapan antara 1981 hingga Ogos, 1983 adalah seperti berikut:

Maklumat .. .. .	24,319
Yang dijadikan Sampul Kecil	4,202
Yang dijadikan Kertas Penyiasatan	3,295
Yang dijadikan Kertas Siasatan	1,407
Tangkapan:	
Pegawai Kerajaan .. ..	397
Orang-orang awam .. ..	247
Ahli politik .. .. .	3
Jumlah besar tangkapan ialah	647

Usaha-usaha BPR telah dipertingkatkan dengan menyiasat dan menghadapkan yang terlibat dengan amalan rasuah dengan pengadilan dan penyingkiran dari jawatan atau mengambil tindakan tata tertib terhadap mana-mana ahli pentadbiran yang mengamalkan rasuah yang telah dapat dibuktikan.

Namun demikian, saya sedar bahawa kejayaan dari segi pencegahan yang telah dicapai oleh BPR tidak dapat diukur dengan cara perangkaan semata-mata.

Walau bagaimanapun, kesan daripada penangkapan dan pembicaraan kes-kes berkenaan telah wujud perasaan takut, kesedaran dan insaf di kalangan rakyat.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini tindakan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah ini mendapat sambutan yang sangat baik kepada orang ramai dan orang ramai yakin dengan penukaran nama yang asal daripada Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah, Kerajaan betul-betul berhasrat untuk memerangi rasuah ini sehingga ke akar umbi.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adanya kenyataan yang berlawanan antara dua orang Menteri, seorang Menteri telah mengecam tindakan BPR ini atas tindakan mereka kepada jabatan yang tertentu dan tidak lama selang beberapa hari ada seorang Menteri lain pula yang menyokong tindakan BPR terhadap agensi tersebut?

Sekarang pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan supaya perkara yang bercanggah begini, kenyataan atau statement yang bercanggah ini, tidak akan berlaku lagi dan soalan yang kedua, apakah sikap Kerajaan yang sebenar terhadap tindakan-tindakan yang dibuat oleh BPR ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BPR terletak di bawah Jabatan Peguam Negara dan jika terdapat maklumat dan seterusnya kertas siasatan dibuka, ini bermakna bahawa Jabatan Peguam Negara iaitu Peguam Negara sendiri telah pun

memberi persetujuan beliau untuk menjalankan kes di mana kertas siasatan itu dibuka.

Tentang komen-komen yang dibuat oleh dua orang Menteri yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak dapatlah saya menjawab soalan itu kerana itu ialah komen sematamata.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan Tambahan. Bolehkah dinyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jika didapati suatu tekanan politik ke atas pegawai Badan Pencegah Rasuah yang sedang menjalankan tugas?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, terima kasih atas soalan daripada Ahli Yang Berhormat.

Saya di sini mengambil kesempatan menegaskan bahawa tidak ada kompromi di dalam BPR dan soalan tekanan politik tidak timbul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini kenapa dalam dua tahun ini di bawah pimpinan 2M yang menitikberatkan kempen terhadap rasuah, BPR tidak berjaya untuk menangkap ikan-ikan besar atau ikan-ikan yu yang telah pun ada disuarakan oleh Timbalan Menteri Kewangan kenapa hanya ikan-ikan bilis ditangkap, tidak adakah ikan-ikan besar yang korap.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak faham maksud Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ikan-ikan yu. Tetapi mengikut jawapan yang saya berikan tadi jika Ahli Yang Berhormat maksudkan ikan-ikan yu itu ialah orang-orang politik, ada 3 kes yang telah dikemukakan semenjak dua tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, jika terdapat maklumat berkenaan dengan ikan-ikan yu sekalipun pihak Badan Pencegah Rasuah akan mengambil tindakan. Terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memberi maklumat seterusnya.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Diantara langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan tahap kecekapan pihak BPR ini, pihak Kementerian telah mengadakan kursus-kursus kepakaran. Jadi, saya ingin tahu bagaimana yang dimaksudkan dengan kursus-kursus kepakaran.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, beberapa kursus telah pun dijalankan. Pada tahun 1981 kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh BPR sendiri ialah 5. Pada tahun 1982 sebanyak 4 kali. Dan juga kursus-kursus yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan lain di mana pegawai-pegawai BPR telah dihantar untuk menjalani kursus-kursus tersebut. Semuanya sebanyak 43 orang pegawai BPR telah di hantar menjalani kursus-kursus tersebut seperti kursus di luar negeri di New York sebanyak 2 orang, kursus di Maktab Polis di Kuala Kubu Bharu dan kursus di universiti-universiti seperti Universiti Pertanian termasuk juga INTAN.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** Soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan iaitu pegawai-pegawai BPR apakah mempunyai kebebasan mengeluarkan kenyataan kepada akhbar dalam mengesah atau menegur terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang kononnya terlibat dalam korupsi.

Tuan Yang Dipertua, apakah pihak Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan sama ada BPR ini dalam

tindak tanduknya akan menjadi sebagai pasukan Kampitai dalam masa Jepun dan Gestapo dalam zaman Jerman dahulu.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan yang kedua, saya tak benarkan. Soalan yang pertama, sila.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pegawai-pegawai Kerajaan memanglah tidak dibenarkan untuk membuat kenyataan dalam surat khabar dan apa-apa yang tersiar dalam surat khabar mungkin hanya tersiar sahaja tetapi mungkin tidak datang sebenarnya daripada pegawai yang berkenaan.

#### PETRONAS—GAS YANG TERBIAR

2. **Dr George Chan Hong Nam** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah PETRONAS yang telah pun ditubuhkan kira-kira lebih sembilan tahun tetapi hingga sekarang masih belum dapat menyelesaikan masalah gas yang terbiar dibakar di pantai Lutong yang PETRONAS sendiri melaporkan telah mengalami kerugian hasil sebanyak kira-kira \$200 juta dollar Amerika Syarikat setahun dan sama ada langkah-langkah yang konkrit akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut, jika ya, nyatakan:

- (a) apakah rancangan-ancangan yang sedang atau akan dilaksanakan; dan
- (b) bilakah kerugian kecil tersebut akan dapat diatasi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, saya minta kebenaran supaya menjawab soalan ini serentak dengan soalan No. 2 pada hari Rabu 12hb Oktober, 1983 kerana kedua-dua soalan mempunyai maksud yang sama.

Gas yang dikeluarkan di pantai Miri ialah gas "associated" iaitu gas asli yang dikeluarkan bersama-sama dengan minyak mentah. Lebih kurang 166 juta kaki padu standard dikeluarkan sehari di mana lebihkurang 45% digunakan dalam kegiatan-kegiatan petrolium dan lebihkurang 4% untuk dijual kepada pelanggan-pelanggan "on-shore" seperti Kerajaan Sarawak dan Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO). Yang lebihnya 51% atau lebihkurang 85 juta kaki padu standard belum dapat digunakan kerana tidak ada permintaan gas yang mencukupi dari kawasan sekitar Miri. Sebenarnya Miri dan sekitarnya hanya boleh menggunakan 4% sahaja daripada gas itu. Oleh kerana tidak ada pasaran tempatan untuk gas ini PETRONAS telah mengadakan kajian mencari jalan untuk memasarkannya di luar negeri. Walau bagaimanapun untuk memasarkannya di luar negeri gas tersebut mestilah dicairkan (liquified). PETRONAS telah berbincang dengan Brunei Shell Berhad tentang kemungkinan memproses gas tersebut di Brunei kerana ianya lebih dekat daripada Bintulu iaitu 32 batu ke Brunei berbanding dengan 120 batu ke Bintulu. Sebaliknya walaupun kita boleh mencairkan gas tersebut masalah yang lebih serius ialah ketiadaan pasaran LNG di dalam dan di luar negeri. Oleh itu untuk beberapa ketika ini kita terpaksa menunggu sehingga pasaran gas asli cair (LNG) menunjukkan kemajuan atau prestasi yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua, PETRONAS belum mempunyai sebarang rancangan untuk mendirikan logi gas petrolium cecair (LPG) di Miri yang akan melibatkan pembinaan kemudahan-kemudahan yang mahal umpamanya saluran-saluran paip, kilang memproses yang mungkin berharga beribu juta ringgit oleh kerana ianya tidak akan menguntungkan hanya

untuk mengeluarkan LPG yang merupakan sebahagian kecil daripada sumber gas tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Apakah benar bahawa pihak PETRONAS ada mendesak Shell Sarawak untuk melabur di kawasan tersebut supaya boleh mencair associated gas tetapi oleh kerana hak-hak Shell Sarawak ada dua kawasan sudah habis, lagi enam kawasan akan habis tidak lama lagi. Shell Sarawak tidak mahu mengeluarkan pelaburan yang mungkin \$200 juta? Kalau itulah satu masalah yang pokok, apakah tujuan PETRONAS mengenai kawasan-kawasan minyak sekarang di mana Shell Sarawak akan habis hak-hak mereka dan PETRONAS sendiri akan ambil alih untuk mencairkan associated gas atau apa-apa pelan yang ada?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa warganegara-warganegara dan rakyat di negara Malaysia ini memang sedar yang PETRONAS dan Shell mempunyai perhubungan perdagangan seperti PETRONAS sebagai penjaga sumber utama petroleum kita dan Shell sebagai kontraktor kita iaitu kepada PETRONAS. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kedua belah pihak PETRONAS dan Shell sentiasa berbincang dengan seberapa bijak dan bertimbang rasa mengenai soal-soal petroleum dan juga kehendak-kehendak pihak masing-masing. Dan walau apa jua yang akan dibuat oleh PETRONAS memanglah dengan restu Kerajaan negara ini.

**Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah benar bahawa gas

cecair asli kita ini banyak dihantar ke negeri Jepun dan setakat ini berapa banyakkah gas cecair ini dibeli oleh negara Jepun dan apakah pihak PETRONAS atau pihak Kerajaan bercadang untuk mencari lagi pasaran kepada negara-negara baru bagi membeli gas cecair ini kerana sebagaimana dikatakan tadi, banyak gas kita terbuang ataupun punca-punca yang menjadikan gas cecair ini terbuang begitu sahaja?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, kita mengeluarkan gas cecair (LNG) pada masa ini untuk dieksport hanya daripada Bintulu dan pada ketika ini penjualan dijangka pada tahun ini sebanyak 1.8 juta ton. Kemudian akan meningkat sehinggalah maksima pengeluaran kilang Malaysia LNG di Bintulu itu kepada 6 juta ton setahun, lebihkurang pada tahun 1986. Daripada itu sehinggalah lebihkurang 20 tahun daripada sekarang kilang Malaysia LNG ini akan terus mengeluarkan 6 juta ton setahun. Pasaran tidak banyak, Tuan Yang Dipertua. Pada ketika ini hanya Jepun yang menyahut saranan kita menjual LNG. Bukan sahaja Malaysia tetapi lain-lain negara mengalami kesulitan untuk memasarkan LNG kerana hanya Jepun yang menerima begitu besar volume pembelian gas cecair pada masa ini. Dan usaha untuk mencari pasaran bagi gas cecair kita ini memang sentiasa diteruskan seperti juga saya telah jawab awal tadi.

#### **RANCANGAN PERUMAHAN— SYARAT UNTUK KELULUSAN**

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan pemaju perumahan mematuhi syarat mengemukakan pelan-pelan lengkap, kejuruteraan, akitek dan bangunan ke badan-badan

tertentu sebelum membuat sesuatu skim perumahan. Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan syarat tersebut di masa depan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju-pemaju perumahan tidak dibenarkan memulakan sesuatu rancangan perumahan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang tertentu.

Sebelum sesuatu rancangan perumahan dijalankan pelan-pelan dan rekabentuk-rekabentuk bagi landscaping, kejuruteraan, akitek dan bangunan dikehendaki dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan. Pemaju-pemaju perumahan hanya boleh meneruskan pembinaan rumah-rumah dan kemudahan-kemudahan infrastruktur selepas mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar terdapat pemaju-pemaju perumahan telah tidak melaksanakan pembinaan perumahan mengikut spesifikasi kelengkapan ataupun alat-alat binaan?

Yang kedua, jika Ahli Yang Berhormat sedar, berapakah pemaju-pemaju perumahan yang telah dikenakan apa-apa denda kerana melanggar atau tidak mengikut syarat-syarat jual beli dengan pihak pembeli?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, saya sedar iaitu ada juga pemaju-pemaju yang membinakan bangunannya dengan tidak mengikut spesifikasi-spesifikasi yang telah pun diluluskan oleh pihak-pihak ataupun Penguasa-penguasa Tempatan. Ini senang sahaja jawab

saya kerana pemaju-pemaju itu tidak akan mendapat Sijil Kelayakan (CFO) untuk menduduki kerana tidak mengikut spesifikasi-spesifikasi yang telah diluluskan.

Berkenaan dengan soalan kedua tadi, saya meminta maaf, Tuan Yang Dipertua, kerana saya tidak ada angka-angka di sini untuk memberi jawapan yang tepat kepada Ahli Yang Berhormat.

#### DAKWAAN DAN SUNGUTAN TERHADAP OPERATOR TELEFON

**4. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar terdapat dakwaan-dakwaan dan sungutan-sungutan di seluruh negara tentang operator operator Telekom yang terlibat dalam "rigging";
- (b) bilangan rayuan tentang bil-bil telefon yang terlampau tinggi bagi tempoh Julai 1982 hingga Ogos 1982;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membentasi penyelewengan dan menjamin perakaunan yang memuaskan; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menerima dan memproses sungutan-sungutan dari pelanggan-pelanggan yang terpaksa menunggu beberapa jam lamanya untuk menyambung panggilan-panggilan jauh dan seberang laut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memang sedar tentang dakwaan-dakwaan serta sungutan-sungutan di seluruh negara

tentang operator-operator Telekom yang terlibat dalam perbuatan "rigging".

Mengenai perkara ini Jabatan Telekom Malaysia sedang menjalankan penyiasatan yang menyeluruh terhadap dakwaan-dakwaan yang diterima. Jika terbukti dakwaan-dakwaan tersebut, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap kakitangan-kakitangan yang terlibat. Pihak Kementerian saya dan juga Jabatan Telekom akan berterima kasih sekiranya orang ramai yang membuat dakwaan dan sungutan dapat memberi maklumat ataupun bukti-bukti tertentu tentang kegiatan operator-operator telefon di dalam perbuatan "rigging". Langkah seperti ini daripada orang ramai sudah tentu akan mempercepat dan menyenangkan kerja-kerja penyiasatan yang akan dibuat oleh Telekom.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rayuan ataupun aduan tentang bil-bil telefon yang terlampau tinggi bagi tempoh di antara bulan Julai, 1982 hingga bulan Ogos, 1983 ialah sebanyak 37,748. Dengan ini hitung panjang aduan pada setiap bulan sepanjang tempoh tersebut di atas adalah lebih kurang 2,900.
- (c) Mengenai masalah perakaunan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan telefon, saya sukalah menyatakan di sini bahawa masalah-masalah tersebut bukanlah semuanya berpunca daripada Jabatan Telekom. Daripada penyiasatan-penyiasatan yang telah dibuat didapati beberapa kejadian di mana masalah perakaunan ini timbul daripada kesalahan dan juga ketidak fahaman pelanggan telefon sendiri tentang cara-cara menggunakan telefon seperti

penggunaan 100 unit panggilan percuma. Apa yang dimaksud dengan 100 unit panggilan percuma ini adalah diterangkan dengan jelasnya di dalam Buku Panduan Telefon muka surat 10.

Di samping itu juga, kerap kali terdapat di mana pelanggan telefon tidak menyedari bahawa telefonnya digunakan oleh anggota keluarganya sendiri yang membuat panggilan-panggilan jauh yang mengakibatkan bil-bil telefon yang tinggi. Namun begitu, saya tidaklah pula menafikan tentang berlakunya kesalahan perakaunan yang disebabkan oleh masalah teknik yang tidak disengajakan oleh pihak Jabatan Telekom. Tetapi kejadian kesalahan teknik seperti ini tidaklah begitu kerap berlaku.

Sebagai langkah jangka masa panjang untuk mengatasi masalah perakaunan bil-bil telefon ini, Jabatan Telekom akan memperkenalkan itemised billing secara berperingkat-peringkat. Untuk permulaannya dua projek perintis "itemised billing" akan dimulakan iaitu satu di kawasan Kuala Lumpur dan satu lagi di Pulau Pinang bagi merekod semua panggilan jauh dan panggilan luar negeri pada awal tahun hadapan.

Mengenai dengan langkah-langkah untuk membentasi penyelewengan mengenai perakaunan bil-bil telefon ini sekali lagi saya meminta kerjasama Ahli Yang Berhormat sekiranya beliau mempunyai apa-apa maklumat ataupun bukti-bukti diharap maklumat-maklumat tersebut dapat disampaikan kepada Kementerian saya ataupun Jabatan Telekom untuk

membantu penyiasatan tertentu. Tindakan seperti ini adalah dialu-alukan oleh pihak Kementerian saya dan Jabatan Telekom juga.

- (d) Memang tidak dinafikan oleh Kementerian saya dan Jabatan Telekom bahawa di masa-masa tertentu pelanggan-pelanggan telefon kadangkala terpaksa menunggu beberapa ketika untuk mendapat hubungan panggilan-panggilan jauh dari seberang laut melalui telefon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini berlaku ketika waktu sibuk (peak hour) di mana terdapat ramai pelanggan-pelanggan membuat panggilan secara serentak. Kesukaran ini adalah berpunca daripada kekurangan litar sambungan jauh (trunk circuit). Untuk mengatasi masalah ini langkah telah diambil oleh Jabatan Telekom untuk menambah jumlah litar trunk dan junction di seluruh negara supaya masalah "congestion" ini dapat diatasi.

Satu lagi Pusat Bantuan Telefon Antarabangsa akan dibuka pada pertengahan tahun 1984 yang mana akan menjadikan jumlah besar pusat seperti ini kepada tiga. Pusat Bantuan Telefon Antarabangsa yang baru ini akan dilengkapi dengan 62 buah papan suis dan di samping itu juga jumlah litar keluar negeri akan ditambah secukupnya.

Rancangan juga sedang diatur untuk menambah jumlah litar yang terdapat di dalam negeri di seluruh negara, bila semua rancangan ini dilaksanakan kelak adalah diharapkan kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan jenis sendiri terus dail dan yang membuat panggilan melalui bantuan telefon akan dapat diatasi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa adanya sebilangan kecil operator-operator telefon yang masih tidak berbudi bahasa kepada orang ramai dan akibat tindakan mereka ini mereka telah memburukkan imej Jabatan Telekom yang berkenaan. Suka saya bertanya sekiranya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sedar tentang hal ini, sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk melancarkan satu kempen berbudi bahasa dalam Jabatan Telekom?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang Dipertua, dalam sebuah Jabatan yang mempunyai kakitangan lebih kurang 29,000 orang memang adalah kemungkinan terdapat satu atau dua orang yang dalam tugasnya kurang bersopan santun tetapi saya percaya ini adalah satu perkara yang tidak berlaku begitu kerap dan saya merayu kepada sesiapa yang mempunyai butir-butir tertentu supaya melaporkannya dengan serta-merta supaya tindakan yang wajarnya dapat diambil.

Mengenai cadangan untuk menjalankan kempen yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, ini boleh dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan beberapa kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak yang bertanya ini, dan setengah benar, setengahnya tidak, apakah pihak Kementerian ini membuat langkah-langkah cadangan awal bagi menswastakan perkhidmatan telekom ini supaya perkhidmatannya lebih baik dan juga lebih efficient dari segi memberi kemudahan kepada orang ramai?

Adakah perubahan nombor kod yang dijalankan sekarang ini, terutama di Pantai Timur diberitahu kepada pelanggan-pelanggan yang menggunakan telefon?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang Dipertua, perkara mengenai penswastaaan ini masih dalam pertimbangan atau kajian Kerajaan dan adalah awal bagi saya membuat apa-apa pengumuman di sini.

Mengenai soalan yang kedua itu, saya pohon maaf, bolehkah ulang sekali lagi?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, iaitu perubahan kod nombor kawasan, terutama di Pantai Timur didapati nombornya telah berubah jauh kod nombornya, misal kata "32" jadi "922", nombor ini tidak diketahui oleh pelanggan sehinggakan lengoh tangan asyik pusing nombor tak tahu nombor itu telah berubah. Jadi apakah perkara ini diberitahu kepada pelanggan lebih awal dengan melalui surat atau melalui siaran suratkhbar dan sebagainya supaya memudahkan pelanggan kawasan Pantai Timur?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya setahu saya cara itu pun telah dilakukan melalui pengumuman di suratkhbar ataupun melalui surat kepada pelanggan-pelanggan tempatan dan sekiranya pelanggan masih menghadapi masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya minta Ahli Yang Berhormat berhubung dengan saya, saya akan cuba mengatasi masalah itu.

#### DASAR PANDANG KE TIMUR— PENYERTAAN SYARIKAT JEPUN

5. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat Jepun yang terdapat di Malaysia

setelah pelancaran Dasar Pandang ke Timur, kedua-dua sebagai syarikat-syarikat persendirian dan usahasama. Berapakah bilangan syarikat itu yang mengamalkan kebajikan syarikat sebagaimana syarikat-syarikat yang besar di Jepun.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang Dipertua, dari tahun 1982 sehingga Ogos, 1983 jumlah projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan rakyat Jepun adalah sebanyak 61, di mana sebanyak 5 projek-projek adalah dipunyai sepenuhnya oleh rakyat Jepun dan sebanyak 56 projek-projek lagi adalah projek-projek yang diluluskan secara usahasama dengan rakyat Jepun.

Jumlah ekuiti dari Negara Jepun dalam 61 projek-projek tersebut adalah sebanyak \$153.1 juta. Buat pada masa ini Kementerian tidak mempunyai perangkaan mengenai bilangan syarikat-syarikat Jepun yang mengamalkan kebajikan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Adakah syarikat-syarikat yang tersebut ada memindahkan teknologi kepada orang-orang Malaysia dan adakah syarikat-syarikat tersebut mempunyai "in-house union"?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini tiada lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Dasar Pandang ke Timur khasnya Jepun ialah mahu mempelajari daripada contoh-contoh yang ada dalam Jepun, khasnya mengenai syarikat-syarikat "in-house union" dan dalam soal ini mengamalkan kebajikan syarikat atau "company welfarism", bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Kementerian berkenaan tidak ada angka-angka mengenai syarikat-syarikat tersebut sama ada

mengamalkan kebajikan syarikat atau "company welfarism" dan akankah Kementerian menjadi satu kriteria atau satu keperluan untuk semua syarikat-syarikat daripada Jepun, baik pun secara usahasama atau secara sendiri bahawa apabila mendirikan syarikat-syarikat di negara kita mahu mengamalkan kebajikan syarikat supaya lain-lain syarikat di Malaysia boleh mengikut tauladannya?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, nampaknya itu bukan soalan, cuma hendak beri keterangan. Bolehkah Yang Berhormat beri ulang sekali lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana satu tujuan Memandang ke Timur ialah bahawa mahu mengikut tauladan-auladan atau contoh-contoh amalan-amalan yang ada di Jepun, antaranya ialah company welfarism atau kebajikan syarikat di mana syarikat-syarikat Jepun adalah jaga kepentingan pekerja-pekerja selama hidupnya adalah company welfarism, sebab itu ada kestabilan pekerja-pekerja. Oleh sebab itu, adakah Kementerian berkenaan mahu menentukan bahawa apabila syarikat-syarikat Jepun datang ke Malaysia bukan sahaja mahu transfer technology, tetapi juga mahu transfer teknik-teknik semacam company welfarism dan akankah ini menjadi satu keutamaan untuk semua syarikat-syarikat Jepun juga dalam Malaysia?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, berkenaan perkara welfarism, Kementerian saya akan timbangkan.

#### **KEDIAMAN BARU PERDANA MENTERI—KOS PEMBINAAN**

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah kos termasuk perpecahan butir-butir berasingan bagi kediaman baru

Perdana Menteri, nama kontraktor-kontraktor dan/atau perunding-perunding yang diupah dan bayaran-bayaran atau komisyen-komisyen yang dibayar kepada mereka; dan nyatakan sama ada kediaman baru Perdana Menteri merupakan satu contoh baik tentang "Pimpinan melalui Tauladan" pentadbiran sekarang.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang Dipertua, jumlah kos mengikut pecahan butir-butir berasingan bagi kediaman baru Perdana Menteri adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja mengubahsuai dan kerja-kerja tambahan termasuk membina bangunan-bangunan lain seperti rumah kakitangan dan berek polis berjumlah \$4,228,743.
- (ii) Perkhidmatan dalam bangunan seperti pemasangan paip, elektrik, alat-alat pendingin udara dan lain-lain peralatan penting berjumlah \$2,120,434.
- (iii) Kerja-kerja luar seperti menyediakan tapak tanah, membina jalan-jalan, pagar, pembentongan, kerja-kerja seni taman dan lain-lain kerja luar berjumlah \$3,362,517.
- (iv) Pelbagai perbelanjaan seperti kerja-kerja penyeliaan, bayaran profesyenal dan sebagainya berjumlah \$1,288,306.

Jumlah besarnya \$11,000,000.

Kontraktor-kontraktor yang mengendalikan projek ini adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat Pembinaan Maluri Sdn Bhd Bagi kerja-kerja induk termasuk perkhidmatan dalam bangunan.
- (b) Yap Ee Piah dan Ali Mohd. Nor Bagi kerja-kerja meroboh sebahagian bangunan induk dan lain-lain bangunan lama
- (c) Syarikat Pembinaan LLN Yasimah dan Anak-anak Bagi kerja-kerja LLN
- (d) Starlight Engineering Bagi kerja-kerja bekalan air
- (e) Cipta Purnama Bagi kerja-kerja senitaman (landscaping)
- (f) Seng Hup Electric Co. Bagi kerja-kerja elektrik

Cuma satu syarikat perunding sahaja, iaitu Bent Severin dan Associates Sdn Bhd. yang dilantik untuk mengendalikan kerja-kerja hiasan dalam (interior decoration).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab soalan-soalan yang berikut. Kalau tidak, saya rasa ketidakadaan Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan dalam Kementerian ini menjadi satu kehinaan kepada Dewan yang mulia ini. Adakah angka-angka yang diberikan termasuk angka-angka untuk membeli rumah asal itu yang perlu dirobuhkan, adakah termasuk harga untuk membeli tanah tambahan untuk kawasan tersebut? Dan kenapa angka-angka itu tidak termasuk 2,000 jam kejuruteraan (engineering time) yang perlu digunakan untuk JKR untuk bersangkut-paut dengan projek

ini dan apa kos 2,000 jam kejuruteraan itu yang dalam kos itu dan adakah angka-angka itu termasuk bayaran-bayaran consultancy?

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang Dipertua, bagi soalan pertama Yang Berhormat itu, bagi Kementerian Kerjaraya, Kementerian ini tidak dapat tahu angka harga rumah itu oleh kerana Kementerian Kerjaraya cuma ambil berat di atas tanggungan kerja di atas tapak itu sahaja dan itu adalah mengikut arahan dari Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan kerja sahaja. Bagi harga tapak itu tidak diberikan kepada Kementerian Kerjaraya. Saya rasa Yang Berhormat itu boleh sampaikan soalnya itu kepada pihak yang berkenaan.

Mengenai bayaran untuk syarikat perunding, ada saya jawab tadi, cuma satu syarikat perunding sahaja dilantik dan syarikat perunding ini dibayar \$100,000 untuk consultant fees.

Mengenai JKR 2,000 jam kerja di atas tapak itu, saya rasa seperti Yang Berhormat itu sedar juga ini oleh kerana kerja di dalam Kerajaan sendiri, jadi tidak dapat kira harga itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. 2,000 jam engineering pun mahu wang Kerajaan. Berapakah kos 2,000 engineering time? Kedua, bukankah harga untuk membeli rumah tapak itu dan tanah-tanah hampir \$5 juta dan bahawa untuk runtuhkan 3 lagi rumah supaya rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh didirikan lagi \$2 juta dan semua jumlah sebenarnya lebih daripada \$20 juta?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa itu soalan berasingan. Apa yang ditanyakan ialah berkenaan dengan kediaman baru Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rumah termasuk beli tapak itu dan beli tapak itu termasuk hendak halau orang dan

hendak runtuh rumah-rumah. Bolehkah dia confirm semua belanja itu lebih daripada \$20 juta?

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Yang Dipertua, di bawah Perkara 24 semua soalan. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** On a point of order?

**Dato K. Pathmanaban:** Ya, on a point of order 24, soalan tambahan itu tidak relevant kepada soalan asal.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya sudah jawab tadi, saya sudah katakan tidak bersangkutan dengan soalan mula-mula.

#### “THE GREEN STAR MOVEMENT”

7. **Wan Abu Bakar bin Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar tentang laporan yang menyatakan bahawa sekumpulan gerila komunis pro-Soviet yang digelar “The Green Star Movement” telah memasuki kawasan utara negeri Thailand dari Laos khususnya di kawasan Phupan. Jika sedar:

- (a) sejauh manakah gerakan ini membahayakan keselamatan Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia dan Thailand;
- (b) adakah gerakan ini terjadi hasil ugutan Timbalan Menteri Luar Soviet, Mikhail Kapitsa pada bulan April 1983, sebagai membantah sokongan ASEAN kepada Kerajaan Democratic Kampuchea; dan
- (c) apakah langkah yang diambil oleh Malaysia dan ASEAN untuk mengatasi masalah ini dan langkah-langkah tindak balas yang perlu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar mengenai

laporan berhubung dengan sekumpulan gerila komunis yang digelar “The Green Star Movement”. Kalau pun laporan ini benar, Kerajaan penuh yakin:

- (a) Ianya tidak membahayakan keselamatan Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia dan Thailand. Kita juga penuh yakin Kerajaan Thailand mampu mengawasi dan mengatasi masalah tersebut.
- (b) Setakat yang diketahui oleh Kerajaan, gerakan ini tidaklah mempunyai kaitan dengan kenyataan ugutan Timbalan Menteri Luar Mikhail Kapitsa terhadap Negara-negara ASEAN yang dibuatnya pada bulan April 1983 yang lalu. Mungkin kumpulan ini lebih merupakan serpihan dari gerakan-gerakan komunis yang lain yang telah melarikan diri ke Laos beberapa ketika dahulu.
- (c) Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN yang lain sentiasa mengawasi keadaan keselamatan di negara masing-masing dan juga di rantau ASEAN. Malaysia penuh yakin bahawa sebarang keadaan yang menjejaskan keselamatan negara-negara jiran tentu membahayakan kita juga. Salah satu usaha pokok yang dijalankan oleh Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain mengenai soal ini adalah dengan cara memperkuat ketahanan negara masing-masing di samping bekerjasama untuk meningkatkan ketahanan rantau ASEAN juga.

#### BROKER PASARAN SAHAM ASING DAN TEMPATAN

8. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah broker-broker pasaran saham asing dan

tempatan yang didaftarkan di Malaysia dan jumlah wang pertaruhan yang dibayar setakat ini; jumlah daripada mereka yang didapati telah melakukan kesalahan dalam kegiatan mereka sejak lima tahun kebelakangan ini dan sama ada lesen-lesen mereka telah dibatalkan; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, jumlah broker-broker yang menjadi ahli bursa saham Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) ialah 0109 orang termasuk seorang warganegara asing. Tiap-tiap seorang broker saham tidak dikehendaki menyimpan wang deposit dengan Kerajaan. Meskipun begitu, bursa saham KLSE dikehendaki menubuh dan menyenggarakan satu tabung kesetiaan (fidelity fund) dan semua broker-broker saham yang menjadi ahlinya dikehendaki mencarum kepada tabung kesetiaan itu. Buat permulaan mereka dikehendaki menyimpan \$10,000 tiap-tiap seorang. Jumlah broker-broker saham yang telah melakukan kesalahan dalam kegiatan mereka sejak 5 tahun kebalakangan ini ialah 5 orang kesemuanya. 2 daripadanya telah dibatalkan lesen dan 3 lagi digantung lesen selama 6 bulan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada 109 dan satu warganegara asing yang memiliki broker dalam bahagian pasaran saham ini, adakah pecahan daripada 109 ini kepunyaan syarikat bumiputra dan jika sekiranya tidak ada apakah cadangan bagi pihak Kementerian supaya perkara ini dapat diadakan kepada syarikat-syarikat baru yang ingin memasuki dalam lapangan ini?

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, pada setakat ini jumlah peniaga bumiputra adalah 24 orang dan satu orang India, 84 peniaga Cina.

Peraturan-peraturan KLSE sedang dikaji semula untuk membolehkan lebih banyak bumiputra mendapatkan kelayakan untuk menjadi peniaga-peniaga bursa saham KLSE.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Kementerian yang berkenaan menerima komplek-komplek terhadap broker saham di Muar bukan sahaja mengenai urusan tetapi pun latar belakangnya dan kenapa tindakan tidak diambil oleh Kementerian tersebut?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar di atas sungutan-sungutan itu dan jikalau Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka boleh memberi butir-butir siasatan boleh diambil.

**Tuan Yew Foo Weng:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di antara jumlah syarikat broker-broker yang disebutkan oleh beliau, adakah ini mengandungi syarikat yang hanya mempunyai lesen sahaja sampai setakat ini masih menjalankan urusan mereka dan kalau begitu, berapakah syarikat yang hanya mempunyai lesen tetapi masih menjalankan urusan?

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar di atas adakah tidak syarikat-syarikat yang hanya mempunyai lesen sahaja tetapi tidak menjalankan perniagaan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir).*

#### KELAYAKAN KEMASUKAN KE MAKTAB PERGURUAN

10. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kelayakan-kelayakan calon-calon bagi pengambilan guru akan dinaikkan lagi.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi membuat keputusan dasar mengubah kelayakan kemasukan ke Maktab-maktab Perguruan melebihi daripada syarat-syarat yang dikenakan sekarang.

**PERTUBUHAN BANGSA-  
BANGSA BERSATU—  
KEAHLIAN MALAYSIA**

**11. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan negara kita untuk mengekalkan kerusi kita dalam Bangsa-bangsa Bersatu;
- (b) apakah faedah-faedah negara kita dapat dari organisasi antarabangsa itu selain daripada peranannya sebagai peminjam Bank Dunia. Memandangkan kuasa kuat Bangsa-bangsa Bersatu, kenapa tiada apa-apa tindakan diambil oleh organisasi itu ke atas serangan Rusia ke Afghanistan, Kambodia dan Vietnam, dan terburuk sekali, tembakan kapal terbang Korea itu yang mengakibatkan pembunuhan 269 nyawa; dan
- (c) adakah negara kita menimbang mengundurkan diri dari Bangsa-bangsa Bersatu, agar dapat kita menumpukan perhatian kita kepada ASEAN selain dari segi kebudayaan dan ekonomi supaya kita dapat bekerjasama dengan lebih rapatnya sebagai sebuah badan yang kuat dan teguh.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu PBB adalah berkewajipan untuk menyumbang kepada perbelanjaan tahunan (PBB) berdasarkan keupayaan mereka untuk

membayar dan kadar ini adalah ditafsirkan oleh Jawatankuasa Sumbangan PBB (Committee on Contribution) diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB. Bagi Malaysia kadar ini untuk tahun 1983 ialah .09% dari jumlah perbelanjaan tahunan PBB iaitu sebanyak US \$511.888.40 sen sahaja.

(b) Mengenai soalan (b) pula, saya ingin menjelaskan di sini bahawa peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bukanlah sebagai peminjam Bank Dunia. Peranan utama PBB ialah untuk memupuk dan mengekalkan keamanan di dunia, menjamin kebebasan, kesejahteraan dan hak asasi manusia, menggalakkan kemajuan ekonomi dan sosial serta menjadikannya pusat bagi negara-negara untuk bekerjasama antara satu sama lain. Faedah-faedah yang kita dapat daripada menjadi ahli PBB adalah banyak walaupun kebanyakan daripada faedah ini tidaklah begitu ketara. Hasil dari menjadi ahli Badan dunia ini, Malaysia telah dapat mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan-kepentingan kita di gelanggang politik antarabangsa di samping mengeratkan lagi hubungan dua hala dan berbagai hala kita dengan negara-negara lain.

Kita juga telah banyak menerima bantuan dalam berbagai-bagai bentuk dari PBB dan juga dari agensi-agensi di bawah naongannya seperti World Health Organisation, Food and Agricultural Organisation, United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation dan sebagainya.

Mengenai campurtangan Rusia di Afghanistan dan campurtangan Vietnam di Kampuchea, PBB telah membincangkan isu-isu ini dengan panjang lebar dan ekoran dari itu telah meluluskan ketetapan-ketetapan yang mengutuk campurtangan itu dan menyeru supaya dapat dicapai

penyelesaian politik kepada masalah-masalah tersebut. PBB juga telah mengambil tindakan-tindakan lain seperti mengatarkan rundingan di Geneva untuk menyelesaikan soal Afghanistan dan mengadakan persidangan antarabangsa berkenaan dengan Kampuchea yang bertujuan mencari penyelesaian terhadap masalah tersebut.

Tembakan jatuh kapal terbang Korea Selatan oleh pihak Rusia telah diperbincangkan dengan hebat oleh Majlis Keselamatan PBB di mana banyak negara telah mengutuk perbuatan Rusia ini, tetapi resolusi itu tidak dapat diluluskan oleh kerana Rusia sebagai ahli tetap Majlis telah menggunakan kuasa vitonya. Usaha-usaha mengenai soal-soal ini masih diteruskan.

(c) Kerajaan tidak ada sebarang cadangan untuk mengundurkan diri dari PBB. Pertubuhan ini telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua dengan niat dan tujuan untuk menamatkan segala peperangan dan membawa kebebasan, kedamaian dan kesejahteraan untuk makhluk manusia. Ringkasnya Badan tersebut menjadi Payung Pelindung khasnya bagi negara-negara kecil seperti Malaysia. Memang diakui bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam perjalanan pertubuhan ini tetapi Kerajaan berpendapat usaha kita haruslah bertujuan memperbetulkan dan memperbaiki kelemahan ini di samping terus menerus memperkukuhkannya. Di samping itu, kita akan juga meneruskan hubungan kita dengan Badan-badan lain seperti ASEAN.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 12 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).*

## KOREAN AIRLINES DI- TEMBAK OLEH SOVIET UNION

**9. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah dicadang hendak diambil oleh Kerajaan terhadap "Soviet Union" berkaitan dengan tembakan kapal terbang jumbo jet awam Korea Selatan pada 1hb September, 1983 dalam mana 269 penumpang dan anak-anak kapal terbang itu terkorban.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan kita telah mengambil beberapa tindakan tegas bagi menyatakan kekesalan kita yang amat sangat serta bagi menyampaikan bantahan negara terhadap tindakan Soviet Union menembak jatuh kapal terbang awam Republik Korea pada 1hb September lalu. Kita sedia maklum bahawa sebanyak 269 penumpang dan kakitangan kapal terbang termasuk seorang warganegara Malaysia telah terbunuh dalam kejadian tersebut.

Di samping mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan tersebut dalam beberapa kenyataan, Kerajaan kita juga telah mendesak pihak Soviet Union memberi suatu penjelasan yang memuaskan kepada masyarakat antarabangsa di atas tindakan ganas dan tidak berkeperimanusiaannya itu. Kita juga telah mendesak supaya negara itu membayar ganti rugi yang memuaskan kepada mangsa-mangsa keganasan tersebut. Pihak Duta Besar Soviet Union di Malaysia telah juga dipanggil ke Wisma Putra di mana bantahan dan desakan ini telah disampaikan dengan rasminya.

Selain dari kenyataan-kenyataan dan tindakan di atas, Kerajaan kita juga telah mengambil beberapa tindakan lain selaras dengan pendirian yang kita telah ambil. Antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (1) Mengambil bahagian cergas dalam sidang tergegar Majlis Keselamatan Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu dan menjadi penganjur bersama (co-sponsor) resolusi yang dikemukakan di sidang Majlis tersebut. Resolusi tersebut telah mengutuk tindakan Kerajaan Soviet itu, dan meminta tragedi tersebut disiasat dengan sepenuhnya. Resolusi tersebut juga telah menuntut ganti rugi bagi mangsa-mangsa yang berkaitan di bawah undang-undang antarabangsa;

- (2) Mengambil bahagian di persidangan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) di Montreal di mana Malaysia telah dengan tegasnya menyokong langkah-langkah berikut:
  - (i) Mengadakan penyiasaan sepenuhnya oleh ICAO,
  - (ii) Meminta kerjasama dari semua pihak untuk menjayakan penyiasaan tersebut,
  - (iii) Mengarahkan Setiausaha Agung ICAO melaporkan tentang sejauh manakah negara-negara ahli ICAO mematuhi Chicago Convention—iaitu suatu Perjanjian Antarabangsa mengenai Keselamatan Penerbangan Awam,
  - (iv) Mengarahkan Suruhanjaya Penerbangan Udara (Air Navigation Commission), sebuah badan yang tertaaluk kepada ICAO, supaya dengan serta-merta menyemak semula peruntukan atau kandungan Chicago Convention supaya kejadian buruk itu tidak berulang lagi.

Di samping tindakan-tindakan tersebut Kerajaan juga telah membatalkan lawatan seorang pegawai kanan Kementerian Luar Negeri Soviet yang seharusnya diadakan pada 13-15hb September yang lalu. Di samping itu cadangan lawatan Kumpulan Riga Ballet dari USSR dan juga beberapa kegiatan lain negara itu juga telah ditangguhkan kerana difikirkan tidak sesuai untuk diadakan buat masa ini.

Berhubung dengan perkara ini Kerajaan juga berfikir bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh kita haruslah, seboleh-bolehnya, diselaraskan dengan negara-negara lain. Ini adalah memandangkan sebarang langkah yang diambil itu seharusnya suatu yang boleh dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian, Kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah kita ambil setakat ini berhubung dengan tragedi tersebut.

#### **GURU-GURU TERLATIH KEKURANGAN**

**12. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan kekurangan Guru-guru di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di Negara kita. Dengan bermulanya Sijil terbuka untuk STPM, banyak Sekolah Menengah seperti Sekolah Tinggi Keluang menghadapi kekurangan Guru-guru untuk mengajar di Tingkatan Enam dalam beberapa mata pelajaran. Untuk mengatasi masalah ini buat sementara, Guru-guru dikehendaki mengajar 2 kelas yang digabungkan. Berapakah buruk keadaan ini di seluruh Negara kita dan apakah langkah-langkah Pihak Kementerian untuk mengatasi masalah yang serius ini pada tahun hadapan.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kekurangan guru-guru terlatih di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di seluruh negara adalah seperti yang berikut:

<i>Sekolah Rendah</i>	<i>Sekolah Menengah</i>	<i>Jumlah</i>
5,666	1,615	7,281

Kekurangan guru-guru terlatih di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah di negara kita tidaklah membimbangkan. Sungguhpun terdapat kekurangan ini langkah-langkah sentiasa diambil untuk memastikan kelas-kelas dibekalkan dengan guru-guru. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

1. Menempatkan semula guru-guru terlatih yang berlebihan bilangannya di Sekolah-sekolah Menengah ke Sekolah-sekolah Rendah. Tempat guru-guru terlatih di Sekolah-sekolah Menengah diambil oleh guru-guru siswazah.
2. Melantik guru-guru sementara.
3. Adalah dianggarkan lebih kurang 5,565 orang guru terlatih akan ditempatkan di sekolah-sekolah pada tahun 1984.

Berhubung dengan kekurangan guru untuk mengajar di Tingkatan Enam dalam beberapa mata pelajaran bagi sijil terbuka untuk STPM, perkara ini juga tidak membimbangkan. Guru-guru besar telah pun diarahkan jika sekiranya terdapat kekurangan-kekurangan dari segi tenaga guru dan kemudahan-kemudahan tertentu, kebebasan/kelonggaran sepenuhnya dalam memilih mata pelajaran tidak dapat diberi.

Masalah kekurangan guru di Sekolah Tinggi Keluang telah diatasi oleh guru besar dan Jabatan Pelajaran Negeri. Guru-guru bagi mengajar mata pelajaran di Tingkatan Enam telah dibekalkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor.

Mengenai perkara penggabungan 2 kelas, sebenarnya yang digabungkan ialah sebahagian sahaja daripada murid-murid dari 2 kelas bukannya penggabungan 2 kelas. Ini dilakukan untuk menyesuaikan jadual waktu dengan keperluan murid-murid.

#### DASAR PENSWASTAAN

**13. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan dasar penswastan adalah satu dasar yang penting, adakah Kerajaan bercadang menyediakan satu garis panduan bagi membantu memastikan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan melaksanakan dasar tersebut menepati kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat Kerajaan serta mengelak sebarang kemungkinan-kemungkinan menjejaskan terutamanya Dasar-dasar Ekonomi Baru dan lain-lain kepentingan negara.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menyediakan satu garis panduan untuk kegunaan agensi-agensinya dalam melaksanakan dasar privatisation ini. Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan bahawa menerusi garisan panduan ini kelak agensi-agensi Kerajaan akan dapat mengkaji kemungkinan penswastan perkhidmatan mereka selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain kriteria yang akan ditetapkan.

#### PEMEGANG BIASISWA KERAJAAN

**14. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bilangan pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah tamat pengajian mereka dan menerima Ijazah-ijazah dari Institusi-institusi tempatan dan luar negeri dari Januari hingga Ogos, 1983. Berapakah

diantaranya yang telah dengan jayanya ditempatkan dalam jawatan-jawatan sektor awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala berapa yang perlu menunggu tawaran kerja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dan berapa telah dilepaskan secara rasmi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mencari kerja dalam sektor swasta. Apakah implikasi-implikasi kewangan dan undang-undang, sekiranya ada, akibat dari melepaskan pemegang-pemegang Biasiswa JPA ke Sektor Swasta, memandangkan bahawa mereka ini semua telah menandatangani kontrak dengan JPA untuk berkhidmat dengan sektor awam buat lima hingga tujuh tahun.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Sehingga 1-9-1983 bilangan pemegang-pemegang Biasiswa Persekutuan yang telah tamat pengajian dengan jayanya di semua peringkat pengajian, dari dalam dan luar negeri ialah seramai 3,688 orang. Dari jumlah ini, seramai 2,571 orang telah ditempatkan dalam pelbagai jawatan dalam sektor awam. Seramai 434 orang lagi telah ditempatkan di Badan-badan Berkanun, Kerajaan-kerajaan Negeri, Kuasa-kuasa Tempatan dan Syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan. Seramai 683 orang penuntut masih belum ditempatkan.

Setakat ini belum ada lagi yang dilepaskan ke sektor swasta kerana Kerajaan masih berusaha menempatkan mereka di sektor awam. Pemegang-pemegang Biasiswa Persekutuan yang dilepaskan dengan izin oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah terlepas dari syarat-syarat perjanjian.

#### MAKANAN YANG DITINKAN— KEBERSIHAN

15. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan

bahan-bahan makanan telah dikotakkan dan ditinkan dalam keadaan kotor tanpa meletakkan label yang jelas untuk menunjukkan kandungan bahan-bahan. Apakah langkah yang lebih berkesan akan diambil oleh Kementerian supaya Undang-undang meletakkan label itu dapat dilaksanakan dengan lebih tegas.

**Datuk Chin Hon Ngian:** Kementerian saya sedar bahawa ada terdapat aktiviti pemprosesan makanan termasuk mengetin, mengotak dan membotol makanan yang dijalankan di dalam keadaan yang tidak memuaskan. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas kesihatan orang ramai, Kementerian ini sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki kejadian sedmikian. Satu kod iaitu Kod Amali Kebersihan Makanan telah diperkenalkan pada tahun 1979 sebagai panduan kepada pekilang-pekilang dan pekedai-pekedai makanan bagi mempertingkatkan taraf kebersihan di premis-premis tersebut. Dibawah kod ini pemeriksaan kebersihan premis-premis makanan termasuk kilang-kilang makanan sentiasa dijalankan dari masa ke semasa. Pegawai Berkuasa yang berkenaan akan memberi pandangan kepada tuan punya premis mengenai kebersihan setelah pemeriksaan dijalankan. Nasihat dan pandangan juga diberi bagi memperbaiki lagi keadaan kebersihan di premis tersebut. Tindak susul pemeriksaan dijalankan sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemeriksaan pertama bagi menilai perkembangan seterusnya.

Pada tahun 1982 sahaja sebanyak 34 buah kilang makanan telah diperiksa dan dari jumlah ini sebanyak 10 buah kilang didapati tidak memuaskan. Pengambilan contoh-contoh makanan bagi menentukan makanan tersebut dilabel dengan betul juga telah dijalankan. Pada tahun 1982 sebanyak 2,780 contoh-contoh makanan di ambil

bagi tujuan tersebut. Di antaranya 55 kes telah didapati melanggar peraturan pelebelan dan 36 kes telah didakwa dan didapati bersalah.

### SKENDAL RANCANGAN SELANCAR EMPAT

**16. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh menyatakan apakah hasil penyiasatan yang diperolehi oleh Kementerian ke atas skandal di Rancangan Selancar Empat, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan supaya tidak berlaku di mana-mana rancangan.

**Datuk Mak Hon Kam:** Kementerian saya telah menjalankan penyiasatan atas kejadian di Rancangan Selancar Empat dan didapati bahawa pihak kontraktor telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kerja 1955, Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1955, Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial 1969 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1952 yang dikelolakan di bawah Kementerian Kewangan.

Pihak kontraktor utama telah membayar gaji tunggakan berjumlah sebanyak \$7,503/- kepada pekerja-pekerja berkenaan. Tindakan undang-undang sedang juga diambil untuk mendakwa pihak-pihak yang berkenaan, dan kes tersebut telah dibawa ke Mahkamah Majestret di Kuala Rompin pada bulan lalu.

Selain daripada itu pihak kontraktor adalah juga dikehendaki membayar tunggakan-tunggakan caruman PERKESO yang berjumlah sebanyak \$5,320.70. Pihak Kumpulan Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan telah juga mengambil tindakan untuk mengutip tunggakan caruman KWSP sebanyak \$29,000.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan undang-undang buruh, pihak majikan adalah dikehendaki menghubungi Jabatan Buruh atas permulaan perniagaannya. Ini adalah untuk membolehkan pegawai-pegawai Buruh menjalankan pemeriksaan supaya memastikan bahawa majikan-majikan mematuhi peruntukan undang-undang. Dalam kes Selancar Empat, pihak kontraktor telah tidak menghubungi pihak Pejabat Buruh dan dengan itu telah melanggar undang-undang buruh.

Ingin saya menegaskan bahawa Kementerian saya dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya peruntukan undang-undang dapat dipatuhi dan kerajaan akan mengambil tindakan bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja seperti yang termaktub dalam undang-undang buruh.

### PENGANGGURAN—LANGKAH MENGURANGKAN

**17. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Buruh menyatakan kadar pengangguran serta latarbelakang-latarbelakang mereka yang menganggur, misalnya golongan umur, jantina, kelayakan dan sebagainya dalam negara kita sekarang dan apakah langkah-langkah positif yang sedang atau akan diambil bagi mengurangkan pengangguran dan menambah pekerjaan-pekerjaan khasnya di sektor swasta.

**Datuk Mak Hon Kam:** Mengikut Laporan Ekonomi 1982/83 kadar pengangguran di negara kita bagi tahun 1982 ialah 6.2 peratus dan kadar ini dijangka akan bertambah kepada 6.3 peratus pada tahun 1983 ataupun seramai 369,117 orang dari jumlah tenaga buruh negara kita.

Bagi mengatasi masalah pengangguran ini Kementerian saya menyediakan perkhidmatan penempatan pekerjaan yang percuma untuk pencari-pencari kerja. Perkhidmatan ini diberi melalui 52 Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat yang terletak di merata tempat di negara kita. Walau bagaimanapun, terdapat tidak semua dari jumlah penganggur yang tampil ke hadapan untuk mendaftar nama mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Bilangan pendaftar-pendaftar aktif setakat 31hb Julai, 1983 adalah seramai 70,150 orang. Pada tahun 1982, seramai 24,374 orang pencari kerja telah ditempatkan dan pada tahun 1983 dijangka 17,000 orang lagi akan ditempatkan. Latar belakang pencari-pencari kerja yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat setakat 31hb Julai, 1983 adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan pendaftar-pendaftar aktif/belum ditempatkan kerja 70,150
- (b) Bilangan pendaftar-pendaftar aktif mengikut golongan umur:
- |                 |        |
|-----------------|--------|
| (15-19) .. .. . | 17,426 |
| (20-24) .. .. . | 36,751 |
| (25-29) .. .. . | 8,891  |
| (30-39) .. .. . | 5,681  |
| (40-49) .. .. . | 1,139  |
| (50-64) .. .. . | 249    |
| 65+ .. .. .     | 13     |
- (c) Bilangan pendaftar-pendaftar aktif mengikut jantina:
- |                     |        |
|---------------------|--------|
| Pendaftar Lelaki .. | 44,341 |
| Pendaftar Perempuan | 25,809 |
- (d) Bilangan pendaftar-pendaftar aktif mengikut pelajaran/kelayakan:
- |                     |        |
|---------------------|--------|
| Kurang dari SRP/LCE | 26,724 |
| SRP/LCE             | 13,808 |
| SPM/MCE             | 27,616 |
| STP/HSC dan lebih   | 2,002  |

(e) Bilangan pendaftar-pendaftar yang mempunyai pengalaman bekerja:

(i) Tiada pengalaman ..	61,546
(ii) Kurang dari 1 tahun ..	3,165
(iii) Lebih dari 1 tahun tetapi kurang dari 2 tahun	2,056
(iv) Lebih dari 2 tahun tetapi kurang dari 4 tahun	1,509
(v) 4 tahun dan lebih ..	1,874

Selain dari itu, Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya juga menyediakan khidmat-nasihat kepada pencari kerja melalui Unit Bimbingan Kerja dan Kaunseling. Pegawai-pegawai Pekerjaan sentiasa mengadakan lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah dan persatuan belia untuk memberi ceramah mengenai panduan kerjaya termasuk penerangan mengenai peluang-peluang pekerjaan dan latihan yang sedia ada.

Kerajaan juga menyediakan latihan perindustrian untuk para lepasan sekolah dan belia-belia negara kita di institusi-institusi latihan di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian saya sendiri. Kemahiran yang mereka perolehi melalui latihan ini akan meningkatkan lagi peluang-peluang untuk mendapat pekerjaan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 4, Kerajaan akan mendirikan lebih banyak institusi-institusi latihan perindustrian untuk melatih belia-belia kita.

## PROJEK KERETA NASIONAL

18. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan kereta buatan Malaysia yang patut dikeluarkan setiap tahun untuk mengesyorkan viabiliti projek kereta Malaysia. Adakah beliau berpendapat bilangan ini boleh dicapai.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Projek Kereta Nasional dirancang dengan mengambil kira pasaran kereta penumpang di negara kita dan didapati ianya adalah satu projek yang "viable". Pengeluaran "break-even" projek ini berlainan dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang dirancang untuk projek ini adalah melebihi daripada pengeluaran "break-even" dan pasaran dalam negara kita pula dapat menampungnya.

#### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Bumiputra Malaysia Finance, Hong Kong**

3.36 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Saya berdiri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) untuk meminta izin supaya mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Adalah betapa pentingnya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyasat skandal pinjaman \$2,000 juta oleh Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong. Usul yang saya bercadang adalah seperti berikut:

"Bahawa Majlis Mesyuarat ini memutuskan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja ke dalam skandal pinjaman \$2,000 juta yang diberikan oleh Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong agar suatu siasatan awam yang menyeluruh dapat diadakan serta satu laporan mengenai keadaan-keadaan dalam mana \$2,000 juta kepunyaan Bank Bumiputra, sebuah bank yang ditubuhkan dengan wang awam, dipinjamkan kepada tiga syarikat Hong Kong yakni Carrian

Investments, Eda Holdings dan Kevin Hsu; serta juga menyasat sama ada rasuah, amalan-amalan curang, salah pengurusan, konflik kepentingan telah berlaku yang melibatkan pegawai-pegawai Bank Bumiputra, BMF dan lain-lain pegawai."

Perkara yang tersebut di atas ini adalah tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana:

1. Pendedahan mahkamah Hong Kong baru-baru ini bahawa Carrian Investments berhutang sekurang-kurangnya \$1.7 billion kepada Bumiputra Malaysia Finance dan tidak seorang pun tahu menahu di mana lesapnya separuh dari pinjaman tersebut sebanyak \$769 juta yang selama ini di "unaccounted for" dan pendedahan ini buat kali pertamanya telah memberi maklumat penting mengenai betapa besarnya pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF dan Parlimen haruslah mengambil perhatian akan perkara ini;
2. Bahawa besar peristiwa pinjaman BMF ini telah membuat kepada kedudukan dan imej kewangan antarabangsa Malaysia dengan penglibatan BMF dalam urusanniaga yang "dubious" dan "shady" dengan Kumpulan Carrian kerana BMF adalah sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Bank Bumiputra yang merupakan "flagship" bank-bank Malaysia yang mana Bank Bumiputra juga ditubuhkan dengan wang awam; dan kedudukan dan imej Malaysia hanya dapat ditebuskan balik dengan Parlimen bertindak serta-merta untuk menuntut satu pengakaunan awam yang penuh diberikan serta satu pembersihan

dilakukan bukan sahaja dalam BMF tetapi juga dalam Bank Bumiputra untuk menunjukkan bahawa Malaysia tidak akan maaf atau bertolak-ansur dengan apa-apa "impropriety", penipuan dan lain-lain amalan kewangan yang salah;

Yang ketiga, betapa perlunya untuk melindungi \$600 juta yang Perbadanan Nasional Berhad (PNB) telah yang melaburkan dalam tabung wang pemegang saham Bank Bumiputra untuk menentukan bahawa wang tersebut tidak akan lesap di Carrian dan BMF:

Yang keempat, betapa perlunya dipulihkan keyakinan orang ramai dalam keupayaan dan relevant Parlimen untuk menegaskan supaya satu pengakaunan diberi serta juga menyediakan pengawalan dan pengawalan ke atas perbadanan-perbadanan awam ataupun anak-anak syarikat mereka yang ditubuhkan dengan wang awam seperti telah berlaku dalam kes Bank Bumiputra dan BMF. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kota Melaka yang meminta supaya Dewan ditangguhkan untuk menimbangkan satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan atas tajuk Pentingnya Sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyasiat pinjaman \$2,000 juta oleh Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong.

Saya telah meneliti usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu dan saya dapati perkara yang dibangkitkan itu tidak perlu disegerakan oleh kerana saya dimaklumkan iaitu Kerajaan akan membuat satu kenyataan mengenai BMF tidak berapa lama lagi untuk memberitahu tentang keadaan yang

dihadapinya. Oleh kerana itu saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN LUAR NEGERI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri, 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN BALIK TANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta Pengambilan Balik Tanah Pindaan 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan

supaya Rang Undang-undang yang bernama "Satu Akta Untuk Meminda Akta Bank 1973" dibacakan bagi kali yang kedua.

Cadangan untuk meminda Akta Bank 1973 adalah bertujuan untuk memudah dan melicinkan pindahmilik usaha atau urusan di antara suatu bank berlesen yang lain di bawah skim penyusunan semula, penyatuan ataupun percantuman di antara bank-bank tersebut. Pindaan yang dicadangkan akan juga membolehkan Bank Negara Malaysia menggunakan budi bicaranya untuk memberi pengecualian keatas pinjaman-pinjaman oleh bank kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah dan kakitangan bank menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai kepentingan atas sifat peribadi mereka serta ke atas pinjaman kepada ahli-ahli keluarga yang rapat dengan kakitangan bank tersebut bagi jenis-jenis pinjaman yang tertentu atau dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut memasukkan suatu seksyen baru yakni 24A dalam Akta Bank bagi mengadakan suatu skim pindahmilik usaha atau urusan di antara suatu bank berlesen dengan suatu bank berlesen yang lain. Skim ini boleh digunakan oleh cawangan-cawangan bank asing yang bercadang untuk memperbadankan bank-bank mereka sebagai bank tempatan dan juga oleh bank-bank tempatan yang ingin menyusun semula atau menyatukan bank mereka dengan bank-bank lain.

Proses penyatuan, penyusunan semula atau proses memperbadankan bank-bank ini menimbulkan beberapa masalah perundangan dan pentadbiran memandangkan bahawa bilangan akaun-akaun penyimpan yang terlibat adalah besar dan juga banyaknya jenis

peraturan kontrak yang berbeza, yang merupakan tanggungan contingent atau tanggungan langsung bank-bank tersebut.

Peruntukan baru ini akan membolehkan bank menyusun semula atau memperbadankan banknya dengan lebih mudah dan dalam masa yang lebih singkat lagi. Sekim pindahmilik tersebut yang membolehkan pindahmilik semua usaha atau urusan sesuatu bank berlesen kepada suatu bank berlesen yang lain memerlukan kelulusan Menteri Kewangan terlebih dahulu dan pengesahan daripada Mahkamah Tinggi. Sebaik sahaja Mahkamah tinggi mengesahkan skim tersebut usaha atau urusan bank yang terlibat akan diletakhakkan kepada bank yang menerima pindahmilik tersebut.

Walau bagaimanapun, berhubung dengan pindahmilik harta seperti tanah ianya hendaklah terlebih dahulu didaftarkan sebelum berkuatkuasa.

Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk meminda seksyen 26A Akta Bank 1973. Peruntukan yang sedia ada dalam Akta Bank melarang bank-bank berlesen memberikan pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada pengarah dan kakitangan bank serta ahli keluarga rapat kakitangan bank dan juga kepada perbadanan-perbadanan yang mereka mempunyai kepentingan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini membuat pindaan kepada seksyen 26A bagi membolehkan Bank Negara memberi pengecualian dengan atau tanpa syarat ke atas pinjaman oleh bank-bank kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah dan kakitangan bank menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai apa-apa kepentingan atas sifat peribadi mereka. Ini adalah bertujuan untuk memberi pengecualian kepada

perbadanan-perbadanan seperti institusi-institusi pembangunan dan lain-lain institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi kewangan atau pembangunan perusahaan, anak-anak syarikat bank dan syarikat-syarikat sekutu bank, syarikat swasta di mana Kerajaan mempunyai kepentingan serta perbadanan-perbadanan yang mengalami kesulitan kewangan dalam membayar balik pinjaman bank.

Oleh kerana pengarah-pengarah dan kakitangan bank tidak menganggotai lembaga pengarah perbadanan-perbadanan tersebut atas kepentingan peribadi masing-masing atau bank-bank mereka tetapi adalah dilantik oleh Kerajaan atau bank-bank sendiri untuk memberi khidmat kepakaran, maka perbadanan-perbadanan tersebut seharusnya dibenarkan menerima kemudahan kredit daripada bank-bank berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, adalah juga munasabah untuk memberi beberapa pengecualian ke atas larangan yang ketat bagi pinjaman bank kepada ahli-ahli keluarga rapat kakitangan bank. Larangan yang terdapat sekarang bermakna bahawa bank-bank tidak dibenarkan memberi pinjaman, umpamanya pinjaman perumahan kepada keluarga rapat kakitangan bank. Larangan ini adalah bukan bertujuan untuk melarang pinjaman-pinjaman seperti ini terutamanya kerana pinjaman-pinjaman ini pada kebiasaannya adalah terjamin sepenuhnya dan diberi berdasarkan asas-asas perniagaan. Tujuan sebenarnya adalah untuk melarang pinjaman oleh bank kepada keluarga rapat dengan kakitangan bank yang mempunyai pengaruh dalam pemberian pinjaman tersebut. Kelonggaran yang dicadangkan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia untuk memberi pengecualian ke atas pinjaman-pinjaman kepada

ahli-ahli keluarga rapat kakitangan bank di mana adalah jelas mereka bukan dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi kelulusan pinjaman-pinjaman tersebut. Ini khususnya adalah benar bagi kakitangan-kakitangan bank di peringkat bawah.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahar.

3.52 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang Dipertua, pertama sekali ingin saya membantah dengan sekeras-kerasnya sikap angkuh dan begitu "cavalier" pihak Kerajaan yang tidak mahu memberi Ahli-ahli Yang Berhormat masa yang cukup untuk meneliti Rang Undang-undang Bank (Pindaan) 1983 kerana kebanyakan Ahli-ahli Parlimen hanya telah menerima Rang Undang-undang ini pagi ini ataupun semalam.

Pada hemat Kerajaan, Parlimen hanyalah sebuah "rubber-stamp" dan tidaklah penting sama ada Ahli-ahli Parlimen tahu apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini kerana mereka hanya dikehendaki memberikan teriak "setuju" mereka untuk meluluskan Rang Undang-undang dan mengemukakannya ke atas untuk menjadi undang-undang.

Ahli-ahli Parlimen DAP tidak sanggup dilayani dengan begitu hina rupa serta menyerahkan tugas-tugas Parlimen mereka kepada Jemaah Menteri dan saya percaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bukan

semua, tidak begitu "supine" sehingga tidak ada orang yang berasa marah dengan layanan seumpama ini yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Bacaan kali yang pertama Rang Undang-undang Bank (Pindaan) 1983 telah dilakukan pada 25 haribulan Julai dan tidak ada sebab mengapa Ahli-ahli Parlimen tidak boleh diberikan naskah Rang Undang-undang ini terlebih dahulu.

Kelulusan Rang Undang-undang oleh Parlimen bukanlah bererti Ahli-ahli Parlimen cuma dikehendaki berteriak "setuju" apabila dikehendaki oleh Kerajaan apabila whip, Tuan Yang Dipertua, dicrack tetapi melibatkan satu proses perpincangan yang penuh dan perbincangan mengenai pro dan kontra berbagai-bagai cadangan undang-undang yang hanya boleh dibicarakan dengan bijak sekiranya Ahli-ahli Parlimen diberi masa yang cukup untuk bukan sahaja meneliti Rang Undang-undang berkenaan tetapi juga untuk berunding dengan berbagai-bagai kumpulan dalam masyarakat yang akan terjejas atau dipengaruhi dan juga dengan orang-orang lain yang berpengetahuan dalam subjek rang undang-undang tersebut kerana Ahli-ahli Parlimen bukanlah dengan izin: "know-alls" atau "walking encyclopaedia" yang boleh berdiri dan bercakap atas apa-apa subjek pun dalam tempoh beberapa jam atau satu hari.

Inilah sebabnya kita dapati mutu perbincangan Parlimen di Dewan yang mulia ini begitu rendah kerana Ahli-ahli Parlimen dikehendaki membahaskan perkara-perkara yang mereka tidak tahu banyak sangat tanpa diberikan masa yang cukup bagi mereka untuk menyediakan diri mereka atas perkara yang di hadapan mereka dan kadangkala pun menguasai masa Parlimen untuk menafikan usul-usul DAP dan Pembangkang untuk timbul.

Umpamanya, Rang Undang-undang Bank (Pindaan) 1983 mengandungi tiga fasal, yang pertama mengerai "citation" Rang Undang-undang tersebut. Fasal kedua adalah mengenai "skim pindahmilik usaha atau harta, suatu bank berlesen kepada suatu bank berlesen lain" dan fasal ini meliputi enam muka sementara fasal yang ketiga pula mengandungi satu perenggan sahaja mengenai pindaan kepada Seksyen 26A.

Saya pasti selain daripada apa yang tercatat dalam nota huraian, majoriti Ahli-ahli Parlimen tidak tahu menahu tentang maksud Rang Undang-undang ini kerana mereka tidak mempunyai masa untuk merujuk kepada Akta Bank 1973 dan kepada Akta Bank Negara Malaysia dan Akta Bank (Pindaan) 1982 dan tanpa rujukan kepada kedua-dua akta tersebut pindaan-pindaan ini tidak ada makna apa-apa pun.

Saya pasti selain daripada apa yang Undang-undang ini dahulu yang bertujuan meminda Seksyen 26A Akta Bank kerana ketika negara kita digoncang oleh pendedahan yang mengejutkan mengenai skandal pinjaman \$2,000 juta yang diberikan oleh Bumiputra Malaysia Finance, sebuah anak syarikat Bank Bumiputra, di Hong Kong pindaan khusus ini bukan sahaja tidak kena pada masanya tetapi juga menunjukkan bahawa Kerajaan telah undur secara deras dan drastik daripada keseriusannya untuk memastikan terdapat kewibawaan dan "propriety" dalam institusi-institusi bank dan kewangan serta juga dalam amalan-amalannya.

Apabila pimpinan 2M mengambil teraju Kerajaan dalam bulan Julai 1981, banyak telah diperheboh-hebohkan tentang tekad Kerajaan 2M untuk membenteras rasuah, amalan curang dan salah pengurusan bukan

sahaja dalam perkhidmatan Kerajaan, malah juga dalam bidang-bidang di mana wujudnya amanah seperti dalam bidang kewangan dan bank.

Berikutan dengan ini, pihak Kerajaan memperkenalkan satu Rang Undang-undang bernama bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan) yang telah diwartakan pada 22hb Februari, 1982 untuk menyekat amalan-amalan curang dan penyalahgunaan kegiatan bank dan untuk memastikan bahawa bank-bank meneruskan amalan-amalan banking yang cermat bukan sahaja demi kepentingan penyimpanan-penyimpan mereka tetapi juga demi kepentingan kewangan dan ekonomi negara, pada penghujung tahun 1981.

Di bawah pindaan-pindaan itu, satu seksyen baru, iaitu Seksyen 26A yang kita mahu pinda, dalam Akta Bank melarang bank-bank dari memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjaannya atau mana-mana firma atau perbadanan yang mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjaannya ada mempunyai kepentingan sebagai "kongsi, pengurus, agen atau penggerenti" atau mempunyai apa-apa kepentingan matang dalamnya. Pindaan ini juga telah mentafsirkan "pengarah", "pegawai" atau "pekerja" sebagai termasuk suami-isteri, ibu-bapa atau anak seseorang pengarah, pegawai atau pekerja.

Di bawah Seksyen 26A seksyen kecil (5) semua bank berlesen telah diberi tempoh sehingga 31hb Disember, 1982 atau sesuatu tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara dalam sesuatu hal yang tertentu untuk "mendapatkan pembayaran balik pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit" yang dilarang di bawah seksyen baru ini dalam Akta Bank.

Seksyen 26A hanya memperuntukkan tiga pengecualian atas larangan ini terhadap pinjaman, pendahuluan atau kemudahan kredit oleh mana-mana bank kepada pengarah, pegawai atau pekerjaannya. Ketiga-tiga pengecualian itu ialah:

- (1) Pinjaman kepada mana-mana daripada pegawai atau pekerjaannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah skim perkhidmatan yang berkenaan (seksyen kecil (2) Seksyen 26A);
- (2) Pinjaman kepada perbadanan yang disenaraikan di pasaran saham yang diakui dan yang mana pengarah bank berlesen itu tidak mempunyai kepentingan matan (material interest) dalam seksyen kecil (4) Seksyen 26A;
- (3) Pinjaman kepada syarikat awam yang mana pengarah bank berlesen itu tidak mempunyai apa-apa kepentingan atas sifat peribadi (personal interest) dalam seksyen kecil (4) Seksyen 26A.

Sebab-sebab untuk memperkenalkan seksyen baru 26A ini yang diberikan oleh bekas Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Datuk Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak semasa membentangkan Rang Undang-undang ini dalam Parlimen pada 8hb Disember, 1981, adalah seperti berikut, dengan izin saya petik:

"Larangan tersebut adalah perlu oleh keranan pemeriksaan ke atas bank-bank oleh Bank Negara jelas menunjukkan penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan songsang, terutama oleh Pengarah-pengarah bank sendiri yang memberikan pinjaman di antara kalangan mereka sendiri tanpa penilaian yang sempurna. Larangan ini juga dijangka dapat menghindarkan pegawai-pegawai bank, terutama

sekali pegawai-pegawai eksekutif yang kanan daripada melibatkan diri dalam perniagaan mereka sendiri tanpa menumpukan masa dan tenaga mereka yang sepenuhnya kepada urusan bank."

Walau bagaimanapun, selepas satu tahun sahaja berkuatkuasanya Rang Undang-undang Pindaan, 1982 itu untuk "membersihkan" industri bank, Kerajaan telah menyerah kalah dan kini mengemukakan satu pindaan yang akan membatalkan sahnya pindaan-pindaan 1982 untuk mencegah amalan-amalan curang dan penyalahgunaan dalam kegiatan bank.

Dalam Rang Undang-undang pindaan sekarang, larangan atas pendahuluan, pinjaman dan kemudahan kredit oleh sesebuah bank kepada pengarah, pegawai atau pekerjanya yang dikesualikan dalam tiga jenis keadaan yang termaktub dalam seksyen kecil (2) dan (4) Seksyen 26A boleh diketepikan sama sekali oleh Bank Negara dengan atau tanpa sebarang syarat.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Apakah sebabnya Kerajaan kini telah menyerah kalah dalam kempenya untuk "membersihkan" amalan-amalan curang dan penyalahgunaan-penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam bidang bank dan kewangan?

Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyebut beberapa kategori yang beliau kata perlu dibenarkan di mana bank-bank patut dibenarkan meminjam kepada pekerja-pekerja, kalau itulah sebab yang sebenarnya, bolehlah senaraikannya dan bukan memberi satu "blank cheque" kepada Bank Negara. Sebelum Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminta supaya pindaan-pindaan dibuat kepada pindaan-pindaan yang dibuat dalam

tahun 1982 untuk mengurangkan kuasa-kuasa yang sedia ada untuk memeriksa dan mencegah penyalahgunaan-penyalahgunaan dan amalan-amalan curang dalam bank-bank, Dewan ini berhak menerima suatu laporan daripada Bank Negara mengenai operasi Seksyen 26A Akta Bank sejak ianya diwartakan pada 22hb Februari, 1982.

Umpamanya, seperti dikendaki oleh Seksyen 26A (5) apakah Bank Negara telah berjaya mendapatkan semua bank mematuhi "deadline" nya tidak lewat daripada 31hb Disember, 1982 untuk mendapatkan pembayaran balik pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang diberikan kepada pengarah-pengarah, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja termasuk suami isteri, ibubapa atau anak di bawah seksyen tersebut?

Apakah Bank Negara mampu memberikan satu laporan mengikut bank demi bank mengenai sama ada bank-bank telah mematuhi Seksyen 26A (5) atau berapa banyak daripada pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang dilarang itu telah dibayar balik menjelang 31hb Disember, 1982, berapa banyak bank yang telah diberi tempoh lanjutan oleh Bank Negara untuk mendapatkan pembayaran balik dan rekod prestasi "deadlines" yang dilanjutkan itu? Dan berapa banyak lagi pinjaman-pinjaman seumpama itu dalam setiap bank yang masih belum dibayar balik lagi setakat 31hb Disember, 1982 serta tidak meminta tempoh lanjutan untuk berbuat demikian? Apakah jumlah amaun pinjaman-pinjaman, pendahuluan-pendahuluan dan kemudahan-kemudahan kredit seumpama itu yang dikeluarkan oleh setiap bank?

Sepatutnya kita harus menanya satu persoalan yang lebih elementary iaitu sama ada Bank Negara mempunyai satu senarai penuh tentang segala

pendahuluan, pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit yang dilarang itu bagi setiap bank di Malaysia? Amalan-amalan curang dan penyalahgunaan kuasa seperti ini yang telah menyebabkan skandal pinjaman \$2,000 juta yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong kepada tiga syarikat Hong Kong iaitu Carrian Investments, Eda Holdings dan Kevin Hsu. Bank Negara juga tidak berupaya mencegah rasuah, amalan-amalan curang dan salah pengurusan yang telah berlaku di Bank Bumiputra dan BMF.

Hari Selasa lalu rakyat Malaysia telah membuat kali pertamanya memperoleh maklumat tentang betapa besarnya skandal pinjaman BMF itu. Pendakwa Hong Kong, Warwick Reid, telah mendedahkan dalam Mahkamah Majistret Hong Kong bahawa Carrian Investments berhutang sekurang-kurangnya HK\$4.6 billion (lebih kurang M\$1.7 billion) kepada Bumiputra Malaysia Finance dan tidak ada seorang pun tahu apa yang telah jadi kepada separuh daripada amaun tersebut. Seperti dikatakan oleh Warwick Reid bahawa daripada HK\$4.6 billion itu, HK\$2 billion itu atau M\$769 million tidak diaccounted for, tidak seorang pun tahu ke mana sudah pergi apa sudah berlaku, siapa yang bertanggungjawab. Bersama dengan pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Eda Holdings dan Kevin Hsu jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF kepada ketiga-tiga syahutang ini sahaja melampau \$2,000 juta dengan senang-senang sahaja.

Empayar Carrian ini kini telah termusnah dan Pengerusinya, George Tan, kini berada dalam penjara di Hong Kong dan sedang berusaha mencari HK\$51 juta sebagai wang jamin untuk membolehkannya dibebaskan dari penjara. Menurut pendakwa Hong Kong itu, Carrian telah berhutang sejumlah HK\$10.6

billion (M\$4 billion) dan dari ini sebanyak HK\$4.6 billion atau 45% hutangnya adalah kepada BMF.

Dengan tumbanganya Kumpulan Carrian dan kerugian sebanyak \$1,000 juta hingga \$1,500 juta atau lebih yang dijangka dialami oleh BMF dan ini akan dengan mudahnya boleh memusnahkan modal dan reserve Bank Bumiputra sebanyak \$1,200 juta.

Persoalan yang harus ditanya ialah sama ada Bank Negara seperti diaturnya sekarang berupaya menggalakkan satu struktur bank yang moden dan menasabah serta dapat menyelia dan mengawal dengan berkesannya bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Memang bertuah bahawa Bank Bumiputra adalah sebuah bank yang ditubuhkan dengan wang rakyat dan Kerajaan pun committed sepenuhnya untuk membantunya. Jikalau ia hanya sebuah bank swasta yang membenarkan syarikat subsidiarinya untuk mengeluarkan pinjaman yang melebihi jumlah modal dan simpanannya dan yang mana perlu dihapuskan sebagai bad debt sejumlah \$1,000 juta maka sudah tentulah akan berlaku satu run on the bank yang serius yang melemahkan seluruh ekonomi negara. Seperti sekarang penglibatan BMF dalam urusan kewangan Carrian yang dubious dan shady telah mencemarkan dan melemahkan imej dan kedudukan kewangan antarabangsa Malaysia dan lebih-lebih lagi credit-worthinessnya oleh kerana empayar Carrian yang pada suatu ketika sangat kuat nampaknya adalah rekaan bukan sahaja George Tan tetapi juga BMF.

Parlimen hendaklah memandang serius skandal BMF ini kerana ketiadaan integriti, kejujuran dan propriety kewangan membayangkan bukan sahaja keadaan Bank Bumiputra tetapi juga Kerajaan Malaysia. Itulah sebabnya saya mencadangkan tadi supaya Dewan

ditangguhkan untuk membincangkan satu usul mengenai satu perkara tertentu berkaitan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Jawatankuasa Siasatan Diraja mengenai seluruh pinjaman BMF oleh kerana dengan menunjukkan pendirian kita yang jelas dengan tiada membiarkan sebarang urusan shady dan impropriety kewangan. Dan sungguhpun saya suka hati mendengar bahawa Kerajaan akan mengeluarkan satu kenyataan tetapi ini tidak bererti bahawa Parlimen harus lari daripada tanggungjawabnya untuk tahu atau untuk membincang dengan lebih mendalam apa yang berlaku. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, demi mencapai supaya perbincangan Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya sempurna, saya telah membenarkan supaya hujah-hujah dibawa seluas-luasnya, akan tetapi memandangkan kepada apa yang pokok masalah di depan kita ialah bacaan Rang Undang-undang bagi kali kedua yang bersabit dengan pindaan kepada Akta Bank 1973, jadi saya harap selanjutnya Yang Berhormat dari Kota Melaka menumpukan perbincangan kepada apa yang pokok iaitu hujah-hujah yang bersabit dengan pindaan Akta Bank 1973 iaitu Akta ini yang dinamakan Akta Bank (Pindaan) 1983. Saya sekali lagi telah membenarkan Yang Berhormat menyebut untuk melengkapi dan menyempurnakan hujah-hujah Yang Berhormat tetapi saya tidak boleh lagi membenarkan kepada perbincangan supaya dibawa lari daripada perbincangan pokok. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Tetapi dengan sepenuh penghormatan, saya rasa hujah-hujah saya ini bersangkut-paut dengan pindaan di hadapan kita. Oleh kerana Fasal 3 yang mahu meminda

seksyen 26A ialah mahu memberi kuasa penuh kepada Bank Negara untuk menggunakan budibicaranya sama ada mahu mengecualikan perjalanan peruntukan seksyen 26A dan hujah-hujah saya ialah untuk menimbulkan persoalan oleh kerana apa yang berlaku dalam BMF dan apa yang berlaku dalam Bank Bumiputra oleh kerana masanya sudah sampai untuk kita mengkaji, untuk kita fikir sama ada Bank Negara patut diberikan budibicara ini, sama ada Bank Negara perlu mungkin satu restructuring. Itu sebab saya cakap dengan panjang lebar atas BMF dan Bank Bumiputra bukan oleh kerana saya tidak dapat cakap dengan Bank Bumiputra dan BMF oleh kerana saya boleh bangkit hal ini dalam perbincangan Budget. Tetapi untuk point bahawa daripada prestasi Bank Negara dalam perkara BMF dan perkara Bank Bumiputra, kita mahu fikir sama ada seksyen 26A ini yang dipinda untuk memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menentukan sama ada diberi pengecualian atau sama ada ianya wajar atau tidak. Bolehkah saya teruskan, Tuan Yang Dipertua?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat boleh teruskan, tetapi sekali lagi saya mengingatkan supaya jangan lari daripada perbincangan pokok.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya akan dengan ringkas menggulung apa yang saya sebut tadi dalam BMF sebagai satu contoh. Jadi walaupun skandal pinjaman BMF adalah 20 kali daripada fiasco Bank Rakyat yang melibatkan kira-kira \$150 juta tetapi tindakan Kerajaan dan Bank Negara adalah amat berbeza.

Dalam kes Bank Rakyat Kerajaan telah melantik satu badan siasatan khas dan mengeluarkan laporan Price Waterhouse bersama dengan satu kertas putih mengenainya. Kita hanya menemui dalam perkara ini penutupan bangkai gajah serta sikap acuh tak

acuh. Semua rakyat Malaysia adalah mengambil berat akan skandal BMF dan khususnya mengenai suntikan \$600 juta ke dalam tabung pemilik saham Bank Bumiputra. Adakah jumlah \$600 juta ini juga akan lenyap bersama-sama dengan Carrian dan BMF di Hong Kong?

Dengan perkembangan-perkembangan yang terbaru ini di Hong Kong serta bermulanya proses liquidation kumpulan Carrian, rakyat semestinya mempunyai hak untuk mengetahui akan apa-apa rancangan contingency yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra bersama-sama dengan skandal BMF ini. Sebelum Parlimen diminta memberi kuasa-kuasa yang lebih kepada Bank Negara seperti yang disarankan di dalam pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang ini, Bank Negara hendaklah memberi keyakinan akan kebolehannya untuk mengurus dengan cekap bank-bank serta aktiviti-aktiviti kewangannya, terutama sekali memandangkan isu Bank Bumiputra dan BMF.

Saya difahamkan bahawa di bawah peraturan-peraturan sedia ada Bank Bumiputra mestilah memperolehi kebenaran daripada Bank Negara untuk kesemua pinjaman-pinjaman yang jauh lebih hadnya yang dibuat oleh BMF di Hong Kong kepada Carrian, Eda dan Kevin Hsu. Mengapa Bank Negara meluluskan pinjaman-pinjaman BMF tersebut? Mungkinkah benar bahawa Bank Negara sememangnya tidak memberi kebenaran tetapi telah diketepikan serta diatasi oleh individu-individu yang lebih berkuasa. Dalam hal ini bantahan-bantahan Ketua Bahagian Sekuriti Bank Negara serta Gabenor Bank Negara sendiri mungkin telah diketepikan. Jika sekiranya inilah hakikatnya maka Parlimen hendaklah menegaskan untuk mengetahui siapa yang telah mengatasi atau over-ridden kuasa Bank Negara dan

tanggungjawabnya keatas skandal pinjaman \$2,000 juta BMF itu yang telah dengan seriusnya dan dahsyatnya. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawan Teh:** Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat mengambil perhatian di atas teguran saya tadi oleh kerana jika sekiranya Yang Berhormat masih teruskan dengan membawa lagi perkara-perkara yang saya telah memberi teguran saya terpaksa menyebut perkara 43 dalam Peraturan Mesyuarat. Oleh itu, daripada sekarang saya mintalah Yang Berhormat menggulung perbahasan dengan menumpukan kepada perkara-perkara yang pokok dalam masalah di hadapan ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** On a point of order. "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu." Dan saya merayukan Tuan Yang Dipertua untuk menimbang keputusan yang dibuat tadi dan mungkin mendengar pandangan-pandangan saya bahawa perkara berkaitan dengan BMF adalah satu perkara yang penting, yang berkaitan dengan Seksyen 26A dalam Akta Bank pindaan yang dibentangkan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya hendak teruskan, boleh?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ya, boleh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, dalam Seksyen 36 (1), kita hendaklah menghadkan percakapan kita kepada perkara yang kita bincangkan. Sebenarnya apa yang dibincangkan oleh wakil daripada Kota Melaka itu merupakan kisah BMF dan ini di bawah Bank Bumiputra dan bukan di

bawah Kementerian yang kita bincangkan ini, dengan sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan mengeluarkan kenyataan berkenaan perkara ini kerana ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi dengan ini saya rasa kalau kita timbul di bawah Kementerian Kewangan sebagaimana kita bincang ini adalah sia-sia sahaja dan cuma untuk mencari isu atau publisiti oleh kerana isu tadi tidak diterima, maka terpaksa dia keluar dengan cara yang kita bincangkan. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Seksyen 36 (1) dikuatkuasakan.

**Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, demi mencapai satu tahap perbincangan yang lebih tinggi, saya telah membenarkan Ahli dari Kota Melaka supaya membawa contoh-contoh tertentu bagi melengkap hujah-hujahnya, akan tetapi saya dapati setelah beberapa lama hujah-hujah itu dibawa berulang-ulang kali, maka oleh sebab itulah saya menyebut tentang peraturan mesyuarat yang tertentu. Oleh itu menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya menghadkan masa seseorang Ahli bercakap dan mengikut peraturan Mesyuarat No. 43 saya meminta supaya Ahli dari Kota Melaka mengumpul perbincangannya sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Tuan Yang Dipertua, bolehkah saya tanya sama ada tempoh masa yang terhad untuk setiap Ahli yang bercakap dalam perbincangan ini atau ini terhad kepada saya sahaja?

**Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat adalah di bawah kuasa saya menghadkan masa percakapan biarpun bagi seorang Ahli ataupun setiap Ahli mengikut Peraturan Mesyuarat. Oleh itu saya menghadkan masa Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka

menggunakan Peraturan Mesyuarat 43 dan saya memberi masa untuknya 3 minit daripada sekarang. *(Tepuk)*

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Saya tidak mempertikaikan kuasa Tuan Yang Dipertua untuk menghadkan sesiapa, tetapi sekurang-kurangnya kita percaya Tuan Yang Dipertua atau sesiapa yang menjalankan kuasa Tuan Yang Dipertua tidak akan menggunakan kuasa sewenang-wenangnya, tetapi akan memberi panduan yang boleh menjadikan satu garisan kepada semua Ahli-ahli atas apa kriteria mengeluarkan satu arahan untuk menghadkan ucapan. Adakah ini oleh kerana perkara sangat sensitif kepada Barisan Nasional atau adakah apa kriteria yang kita boleh buat untuk menjadi satu panduan masa depan. Saya percaya bahawa Tuan Yang Dipertua tentulah tidak akan mengeluarkan satu arahan tanpa sebab, sebab itu saya harap dan minta atas apa sebab supaya boleh membuat panduan kepada saya atau semua Ahli-ahli, juga panduan kepada Tuan Yang Dipertua sendiri.

**Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:** Terima kasih, minta duduk Yang Berhormat.

Seperti saya telah maklum tadi saya dapati bahawa hujah-hujah, contoh-contoh Yang Berhormat dari Kota Melaka bawa adalah berulang-ulang kali, maka pada pendapat saya tidak ada perkara baru ataupun hujah-hujah yang baru yang dibawa, maka berdasarkan itulah saya menghadkan masa Yang Berhormat bercakap, kalau tadi ada 3 minit, sekarang saya beri kepada Yang Berhormat 2 minit untuk mengumpul. *(Tepuk)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak takut berapa minit pun, apa yang mustahak ialah kita mahu dan lihat oleh orang ramai bahawa dalam Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Parlimen semua parti boleh

bangkit hal-hal yang rakyat sangat berminat, kalau kita mahu bangkit hal yang sensitif kepada Barisan Nasional, kalau Kerajaan tidak boleh timbulkan—mahu hadkan, mungkin lebih baik tutuplah Dewan yang mulia ini—balik rumah, tidur atau keluarkan satu arahan; mahu cakap, jangan timbulkan perkara yang sensitif.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka, saya minta duduk! Masa Yang Berhormat bercakap sudah habis. Ahli dari Balik Pulau!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah demokrasi Malaysia!

4.26 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Yang Dipertua, on a point of order. Kalau Tuan Yang Dipertua telah menyebut perkara Yang Berhormat tadi tidak ada siapa yang berhak mempersoalkan dan keputusan Tuan Yang Dipertua itu adalah muktamad. Itu yang saya hendak bangkitkan dan Tuan Yang Dipertua telah beri peluang banyak kepada Ahli dari Kota Melaka itu bercakap dan kita akan beri peluang kepada beliau bercakap mengenai BMF ini apabila diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Memadai Yang Berhormat. Ahli yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.27 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Bank (Pindaan) 1973. Nampaknya perbincangan kita telah lari jauh daripada apa yang patut kita bincangkan. Inilah rendahnya mutu perbincangan Dewan Rakyat ini, jadi

kerendahan mutu ini disebabkan Ahli-ahli yang berkenaan tidak mempunyai modal-modal dan juga tidak mempunyai isi-isi yang lebih banyak, kadang-kadang diulang-ulangkan ucapannya kepada sesuatu topik yang tertentu dan bagi saya tidak begitu benak diberikan sehari atau dua hari Rang Undang-undang ini melainkan kalau orang yang benak sahaja yang terpaksa menerima undang-undang pindaan ini berbulan-bulan mesti dikaji dengan tujuan untuk memutarbelitkan dan memusingkan isu-isu yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi kalau Rang Undang-undang kita perhatikan dengan niat jujur Kerajaan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** (*Bangun*)

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tertib Mesyuarat Yang Berhormat?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah erti perkataan "benak", saya kurang faham.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua "benak" ini baca kurang faham dan juga kalau bahasa sekarang "bodoh". Sebenarnya masa yang diberi ini sudah cukup bagi saya untuk membincangkan perkara yang akan dipinda ini kerana pindaannya terlampau sedikit iaitu mengubahkan tanggungjawab daripada pengurusan bank itu kepada tanggungjawab Menteri dan tanggungjawab Mahkamah Tinggi, bagi memberikan kelulusan sesuatu perkara yang ada berkaitan dengan pemindahan milik harta bank-bank atau pembelian harta daripada bank-bank itu sahaja, tetapi oleh kerana undang-undang ini merupakan satu perkara yang dikehendaki tidak payah dipersoalkan lebih banyak maka terpaksa dibuat lebih panjang supaya orang-orang yang benak, orang-orang

yang kurang faham tidak dapat memahami dengan secara yang lebih mudah.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya di dalam perbahasan Dewan Rakyat ini jauhari mengenal manikam. Orang yang tahu sesuatu itu sahaja yang dapat menilai mutu perbahasan dalam Dewan ini dan kalau kita datang dalam Dewan ini hanya untuk membaca tulisan yang dibuat oleh rakan-rakan kita atau research yang dibuat oleh orang-orang tertentu yang di luar daripada Dewan ini tidak bermakna bagi kita sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan ini yang seharusnya mengeluarkan pendapatnya sendiri, yang dikaji sendiri, yang dibacanya sendiri dan difikir sendiri bukanlah datang ke sini untuk melafazkan sesuatu yang dibuat oleh orang lain dengan maksud-maksud yang telah difikirkan lebih awal daripada apa yang sepatutnya dilafazkan dalam Dewan ini. Dengan sebab itulah maka dalam Dewan ini dijadikan satu tempat untuk mencari publisiti, untuk mencari isu-isu politik yang boleh menaikkan. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Tertib Mesyuarat nombor berapa Yang Berhormat?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya minta Tuan Yang Dipertua membuat satu keputusan sama ada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengenai publisiti, sama ada perkara ini telah keluar daripada apa yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan sekarang.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya memutuskan bahawa ada berkaitan. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya ada berkaitan kerana perkara ini telah ditimbulkan di dalam

mesyuarat ini maka sudah tentu ada berkaitan. Kalau perkara ini tidak ditimbulkan, sudah tentu tidak ada berkaitan. Oleh kerana benda ini telah ditimbul maka berkaitan telah ada daripada perkara yang telah ditimbul oleh orang-orang tertentu.

Oleh kerana perkara ini ditimbulkan oleh Wakil dari Kota Melaka maka saya akan meneruskan bahawa biar apapun yang kita cakap dalam Dewan ini, biarlah kita jangan menganggapkan orang lain ini rendah, misalnya kita menganggapkan Ahli Dewan ini rendah dan orang lain ini semuanya tidak tahu, bahawa dia lebih tahu. Sebab itulah apabila Rang Undang-undang ini diberi dua hari oleh kerana dia tak tahu untuk membincangkan, maka dia mengatakan orang lain juga tak tahu untuk membincangkan Rang Undang-undang ini. Sebab itu dia menganggapkan orang lain ini seolah-olah tidak tahu lebih daripada apa yang dia tahu. Dengan sebab itu dia hendaklah faham bahawa kita tahu apa ahli Pembangkang itu atau Wakil dari Kota Melaka itu tidak tahu maka daripada apa yang dikeluarkan itu dengan terang menyatakan bahawa perkara yang dibincangkan itu adalah daripada apa yang telah difikirkan, iaitu yang hendak dibincangkan ini ialah berkenaan BMF, sebab itulah dia keluaran perkataan itu kerana itu telah disediakan pada hari ini. Sebenarnya oleh kerana perkara ini bukannya di bawah Jabatan Menteri Kewangan dan merupakan di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka saya tidak mahu mengulangi lagi perbincangan ini terhadap perkara yang telah ditimbulkan oleh Wakil dari Kota Melaka.

Saya suka juga menyebut beberapa perkara dalam pindaan ini. Sebenarnya walaupun satu masa di dalam Seksyen 26A ini merupakan sesuatu perkara larangan kepada pihak berkenaan bank tetapi ini adalah sesuatu perkara

yang memberi kebaikan dan memberi kemudahan kepada pihak-pihak yang dilarang sebagaimana dahulu berhak untuk mendapat pinjaman daripada bank berkenaan dengan syarat-syarat pengecualian yang boleh diberi oleh Bank Negara dan juga oleh pihak yang lebih bertanggungjawab. Dengan pindaan ini tanggungjawab baru yang diberi oleh bank ini merupakan satu tanggungjawab yang lebih kita dipercayainya. Kita tidak boleh menganggap bahawa Bank Negara pula menjalankan satu perkara yang tidak jujur. Ini adalah satu anggapan yang kita hanya memandang sesuatu itu kepada yang buruk, seolah-olah buruk macam kita sendiri ini fahaman buruk, maka kita anggap orang lain pun buruk juga. Jadi kalau kita anggap orang lain mempunyai penyelewengan maka oleh kerana kita selalu melakukan penyelewengan, maka kita menganggap Bank Negara ini akan melakukan penyelewengan. Selalunya orang yang berfikir ke arah keburukan inilah yang pernah melakukan keburukan dan suka kepada perkara keburukan, kerana inilah yang dicarinya selama ini, kerana kalau kita memikirkan sesuatu kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan dengan kuasa yang diberi kepada Bank Negara ini, sudah tentu harapan kita akan mencapai kebaikan. Kalau kita memikirkan sesuatu perkara yang buruk, seolah-olah kita ini selalu suka kepada perkara yang buruk kerana kita sendiri melakukan sesuatu perkara yang buruk.

Selain daripada itu saya minta kepada pihak berkenaan supaya mengambil perhatian kepada pinjaman perumahan kepada pihak-pihak kakitangan bank ini ataupun keluarga-keluarganya dan juga kepada orang ramai yang berpendapatan rendah sebagaimana yang diberi \$100,000 sekarang ini kepada mereka yang berpendapatan rendah. Sebagaimana sekarang ini kalau pinjaman itu

\$100,000 ke bawah maka arahan telah diberi bahawa faedah akan diambil hanya 10% sahaja, tetapi kita dapati rumah sekarang \$110,000 itu sudah tidak ada banyak, didapati rumah itu kadang-kadang sampai \$100,000, sampai \$130,000, sampai \$140,000 dan dengan keadaan yang ada sekarang ini menyebabkan rumah-rumah yang dibuat oleh perusahaan pemaju perumahan ini tidak dapat dijual dengan begitu laris disebabkan mereka yang berpendapatan rendah ini tidak dapat membeli rumah yang telah disediakan oleh pemaju perumahan.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini supaya mengenakan faedah 10% bukan kepada kos rumah itu tetapi kepada baki pinjaman yang akan dilakukan kepada bank itu. Misalnya katalah sebuah rumah harga \$110,000 atau \$120,000 tetapi orang ini mampu untuk mengadakan \$25,000 menyebabkan pinjaman yang dia perlu hanya \$90,000 atau \$95,000, maka \$95,000 ini patut dikenakan faedah dengan arahan supaya dikenakan 10% sahaja dan adalah amat malang kepada mereka ini kalau sekiranya dikenakan dua belas setengah peratus, perperbezaannya terlampau jauh pada hal rumah itu hanya perbezaan \$10,000 atau \$20,000 sahaja. Dan kalau ada seorang itu hendak membeli rumah sampai \$200,000 tetapi dia sanggup mengadakan sampai \$100,000 saya rasa ini sudah tidak kemungkinan lagi berlaku kepada orang-orang tertentu. Kalau sanggup mengadakan \$100,000, hanya pinjamannya \$100,000 sahaja maka mereka juga berhak mengadakan 10%. Ini adalah satu cara selain daripada kita memajukan kepada syarikat perumahan ini untuk menjual rumah-rumahnya tetapi bagi membuka peluang yang lebih luas kepada mereka yang tidak mempunyai rumah, sama ada mereka ini berpendapatan rendah ataupun berpendapatan sederhana tetapi

mereka ini dapat memiliki rumah walaupun rumah itu lebih daripada \$100,000.

Ini adalah satu perkara yang saya cadangkan Kementerian ini mengambil perhatian bahawa faedah 10% itu berdasarkan pinjaman perumahan, berdasarkan baki pinjaman yang dikehendaki daripada bank, bukan berdasarkan harga rumah sebagaimana yang dilakukan sekarang. Ini akan memberi peluang yang lebih luas kepada mereka yang tidak mempunyai rumah supaya memiliki rumah dan pasaran rumah untuk \$100,000 ke atas. Ini adalah lebih banyak dan lebih luas dan akan memberi kebaikan yang lebih baik kepada pihak yang ingin memiliki rumah.

Selain daripada itu dengan pindaan bagi pindahmilik harta bank ini bagi tanggungjawab kepada Menteri dan Mahkamah, ini adalah satu perkara pengawalan pihak Kerajaan supaya perubahan hakmilik bank ini tidak dilakukan dengan sewenang-wenang dan boleh dilakukan oleh orang-orang tertentu yang tidak memberi keuntungan kepada negara. Jadi dengan pindaan ini, saya menyokong sepenuh-penuhnya supaya pindaan ini akan dapat memberi faedah kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

4.39 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Bank 1973 yang sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di hadapan kita sekarang sesungguhnya adalah satu perkara

yang patut dialu-alukan dan sebenarnya masalah-masalah yang timbul yang menyebabkan pindaan-pindaan ini terpaksa dibawa sebenarnya merupakan satu perkara kesulitan yang sudah lama dialami oleh setengah-setengah kalangan dan sepatutnya pindaan-pindaannya ini telah dikemukakan kepada Dewan ini lebih awal daripada ini, bahkan sepatutnya pindaan-pindaan kepada Akta Bank yang dibuat sebelum ini mengambil kira tentang kesulitan-kesulitan yang mungkin timbul akibat daripada larangan, terutamanya mengenai memberi pinjaman kepada kakitangan dan waris-waris kakitangan bank, seperti yang dicerminkan di dalam Clause 3, Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang Dipertua, Klausula 2 Rang Undang-undang Pindaan ini adalah memberi pertolongan kepada bank-bank yang didaftarkan di luar negeri yang mempunyai cawangannya di Malaysia untuk menyusun semula bank masing-masing dan membolehkan mereka diberi corak Malaysia dan hal ini patut dianggap sebagai suatu pertolongan yang besar kepada bank-bank yang sederhana.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat bercakap dengan lebih jelas supaya pencatit dapat mendengar dengan terang.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Pihak bank-bank yang didaftarkan di luar negeri dan mempunyai cawangan di Malaysia ini patut berterima kasih kepada Kerajaan bahawa dengan pindaan ini akan membolehkan mereka menjadi sebuah bank Malaysia dengan keadaan yang lebih senang dan cepat.

Tuan Yang Dipertua, sesuai dengan jasa baik yang ditunjukkan oleh Kerajaan ini, saya berharap bank-bank

luar negeri yang mempunyai cawangannya di Malaysia akan mengambil kesempatan sepenuhnya daripada pindaan ini dengan menjadikan bank-bank berkenaan sebagai sebuah bank Malaysia dalam ertikata yang sebenarnya walaupun dari segi perhubungan lainnya mereka masih lagi mempunyai hubungan dengan pihak ibu pejabat mereka di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, adalah penting bahawa bank-bank seperti ini patut memainkan peranan yang lebih aktif di dalam kegiatan ekonomi negara dan rakyat Malaysia oleh kerana seperti yang kita maklum bank-bank yang mempunyai ibu pejabat di luar negeri ini mempunyai resources dan mempunyai kepakaran yang amat tinggi yang boleh membantu mempercepatkan kemajuan ekonomi negara kita dan juga boleh memberi sumbangan yang bererti kepada pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Saya sedar bahawa cawangan-cawangan bank luar negeri yang ada di negara kita sekarang ini adalah tertakluk dari segi amalannya kepada arahan-arahan dan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh pihak Bank Negara dan tidak ada satu pun tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka mengingkari arahan-arahan dan nasihat-nasihat yang dibuat oleh pihak Bank Negara dan walaupun secara langsung atau secara tidak langsung. Bagaimanapun kita tidak dapat menafikan bahawa ada setengah-setengah bank yang mempunyai ibu pejabat di luar negeri lebih aktif daripada yang lain-lain dalam menyertai aspirasi nasional dan ada setengahnya menyertai kegiatan-kegiatan yang berbentuk aspirasi nasional itu semata-mata untuk memenuhi tugas atau memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang diarahkan. Saya berharap perubahan sikap yang lebih besar akan wujud dikalangan bank-bank seperti ini pada masa akan datang supaya mereka juga

akan dianggap sebagai satu rakan atau satu kongsi di dalam pembangunan negara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, kita sedar bahawa walaupun bank-bank ini mempunyai cawangan-cawangan hanya di bandar-bandar besar di negara kita ini dan hampir tidak ada cawangan-cawangan bank antarabangsa ini yang mempunyai cawangan-cawangan di kawasan luar bandar, kita juga sedar bahawa merekapun mempunyai keinginan untuk pergi ke kawasan luar bandar tetapi oleh kerana soal penubuhan cawangan-cawangan bank di kawasan luar bandar adalah terikat kepada arahan-arahan dan kebenaran daripada Bank Negara, maka kita tidak melihat pertumbuhan yang jelas bank-bank tersebut di kawasan-kawasan luar bandar. Tanpa penglibatan bank-bank antarabangsa ini di kawasan luar bandar maka tidak kelihatan mereka mengambil bahagian yang cergas di dalam membantu aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar. Ini adalah suatu perkara yang patut dibetulkan dan saya tidak faham dan saya tidak tahu apakah kita begitu rigid dengan cadangan-cadangan untuk pergi ke kawasan luar bandar oleh bank-bank berkenaan semata-mata untuk melindungi kepentingan bank-bank tempatan kita yang setengah-setengahnya juga tidak mahu pergi ke luar bandar oleh kerana bagi mereka kegiatan ekonomi di luar bandar mempunyai risiko yang tersendiri — bukan sahaja mempunyai risiko yang tersendiri dan tinggi tetapi juga mempunyai kesulitan-kesulitan yang mungkin tidak terdapat pada cawangan-cawangan bank-bank di kawasan bandar. Oleh yang demikian bukan sahaja bank-bank yang bersifat antarabangsa enggan pergi ke kawasan-kawasan luar bandar tetapi juga bank-bank yang bersifat kebangsaan yang ditubuhkan dan dimodali mempunyai kepentingan interest oleh rakyat Malaysia sendiri

juga tidak galak untuk pergi ke kawasan luar bandar oleh kerana kos penyelenggaraan yang tinggi dan return yang terlalu rendah.

Kita faham bahawa kebanyakan bank-bank yang berkhidmat di kawasan luar bandar dari segi untung ruginya sebagai sebuah cawangan banyak mengalami kerugian daripada keuntungan. Oleh yang demikian keadaan ini menyebabkan bank-bank kita sendiri juga tidak begitu berminat untuk berkhidmat di kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, perkara ini hendaklah dibetulkan dan diperbaiki dan bahawa bank bukan sahaja harus memikirkan daripada segi untung ruginya kepada operasinya di sesuatu cawangan tetapi juga harus melihat keuntungan atau kerugiannya dari segi keseluruhan operasinya seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai cadangan pindaan kepada Klausula 3 di dalam Rang Pindaan ini yang antara lain untuk memberi kelonggaran kepada kakitangan-kakitangan ataupun orang-orang yang mempunyai kepentingan daripada menerima pinjaman dan juga waris-waris atau keluarga kakitangan bank daripada diberi pinjaman. Sesungguhnya seperti yang saya katakan sebentar tadi sebelum pindaan kepada Akta ini dibuat pada masa lalu, pihak yang bertanggungjawab seharusnya sudah dapat mengukur implikasi daripada larangan memberi pinjaman kepada kakitangan bank, waris-waris mereka atau institusi-institusi di mana pegawai-pegawai bank itu mempunyai kepentingan. Dengan mengenakan suatu larangan secara blanket atau secara menyeluruh seperti itu maka kesulitan-kesulitan yang maha besar telah berlaku sehingga menyebabkan timbul berbagai-bagai masalah dan timbul berbagai-bagai keadaan yang tidak menguntungkan kepada badan-badan

Kerajaan atau separuh Kerajaan atau syarikat-syarikat awam yang mempunyai pegawai-pegawai bank sebagai ahli Lembaga Pengarah dan sebagainya.

Sebagai contoh katakanlah Pertubuhan KETENGAH. KETENGAH perlu mempunyai selaras dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Lembaga Kemajuan Wilayah, perlu mempunyai beberapa orang yang bertaraf profesional dalam Lembaga Pengarah dan dari segi profesional yang kita perlukan di dalam KETENGAH, misalnya beberapa orang Accountant atau beberapa orang yang mempunyai keahlian di dalam bidang banking dan kita mempunyai beberapa orang yang seperti ini dalam Lembaga KETENGAH tetapi oleh kerana beliau ini duduk dalam Lembaga KETENGAH maka dengan sendirinya KETENGAH tidak dapat meminta pinjaman daripada Bank yang tempat Ahli Lembaga itu bekerja. Ini adalah suatu keadaan yang amat tidak menyenangkan sedangkan sepatutnya adanya seorang pegawai tinggi Bank di dalam Lembaga Kemajuan KETENGAH atas undangan pihak Perbadanan Kerajaan itu sendiri sepatutnya ini boleh menjadi satu pertolongan yang besar kepada KETENGAH di dalam mendapatkan keperluan kewangan dan sebagainya tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya bahawa adanya beliau di situ sudah menjadi satu penghalang kepada pihak perbadanan tersebut daripada mendapat pertolongan-pertolongan kewangan yang diperlukan.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ini adalah dialu-alukan dan sepatutnya disambut baik semua pihak oleh kerana tidak ada siapa yang rugi dan tidak ada siapa yang untung, bahkan semua pihak beruntung daripada pindaan yang ada ini. Adalah tidak adil bahawa oleh kerana seorang pegawai tinggi bank berkhidmat dalam sesebuah Perbadanan Kerajaan

ataupun sesebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan Kerajaan tidak mendapat kemudahan semata-mata kerana seorang pegawai Bank berkhidmat di dalamnya sedangkan pegawai yang berkenaan itu tidak mempunyai interest apa-apa sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada Badan Kerajaan yang dianggotainya itu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengalu-alukan keputusan untuk memberi kelonggaran ke atas peminjam-peminjam iaitu ahli-ahli keluarga rapat kakitangan bank daripada menerima pinjaman-pinjaman untuk tujuan-tujuan tertentu. Masalah ini sebenarnya telah menimbulkan banyak implikasi yang tidak sihat oleh kerana misalnya seseorang Junior Accountant berkhidmat dengan sebuah bank, maka keluarga Junior Accountant itu tidak layak menerima pinjaman daripada bank yang berkenaan semata-mata kerana beliau bekerja di situ sedangkan beliau sudah mempunyai accountant dengan bank itu sejak 10 atau 15 tahun yang lalu tetapi hanya tidak dapat diberi pinjaman semata-mata kerana seorang keluarganya atau warisnya berkhidmat di dalam bank itu. Ini adalah satu perkara yang tidak menasabah, sedangkan seperti yang kita ketahui kelulusan untuk mendapatkan satu-satu pinjaman tidak diberi kepada pegawai-pegawai rendah bahkan setengah-tengah pinjaman diluluskan sendiri oleh pihak Managing Director ataupun Pengurus-pengurus Kanan atau pihak Lembaga Pengarah itu sendiri yang tidak dapat dipengaruhi oleh pegawai rendah yang berkhidmat di dalam Bank itu.

Bahkan lebih daripada itu saya mengatakan bahawa kita patut memikirkan semula soal melarang pegawai-pegawai tinggi bank daripada menerima pinjaman untuk tujuan-tujuan tertentu daripada Banknya sendiri asalkan pinjaman tersebut mempunyai cagaran yang sepenuhnya

dan asalkan pinjaman tersebut dibuat untuk maksud-maksud pelaburan-pelaburan yang memolehkan perkembangan ekonomi negara kita dan tidak dibuat untuk semata-mata untuk tujuan spekulasi membeli saham dan sebagainya. Kalau pinjaman tersebut diberi kepada seorang Pegawai Kanan bank tersebut dengan angka yang menasabah dengan ada limitnya yang menasabah dan kalau pinjaman itu misalnya untuk membina sebuah bengkel perabot di sesebuah kampung yang terpencil yang selama ini tidak ada sebarang kegiatan ekonomi pun, saya fikir sumbangan seperti ini amat besar maknanya kepada kawasan yang terpencil tadi. Oleh yang demikian kita tidaklah sepatutnya memikirkan dari segi buruknya sahaja sekatan-sekatan yang kita kenakan itu tetapi kita juga patut memikirkan dari segi positifnya bahawa pinjaman-pinjaman yang diberi untuk tujuan melabur kepada kakitangan Bank dan kepada siapa sahaja sepatutnya dialu-alukan sebagai satu sumbangan yang boleh memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara kita.

Saya tidak mahu menggalakkan bahawa pinjaman-pinjaman itu digunakan untuk tujuan-tujuan membeli saham atau untuk tujuan yang tidak produktif atau untuk bermain syer dan sebagainya oleh kerana kita faham bahawa pinjaman-pinjaman seperti ini tidak akan mendatangkan apa-apa natijah ekonomi kepada orang lain selain daripada peminjam itu sendiri. Dan adalah menasabah bahawa syarat-syarat untuk tujuan-tujuan tersebut diperketatkan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang Dipertua, secara umumnya dapat saya katakan bahawa Rang Pindaan ini adalah satu perkara yang dialu-alukan oleh semua pihak dan saya berharap mana-mana perkara yang saya sebutkan tadi itu diambil perhatian dan tinjauan seterusnya

dibuat kepada Akta Bank yang ada sekarang ini supaya apa-apa tidak lagi relevant pada satu masa kelak akan dapat kita pinda demi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang sihat di negara kita.

5.00 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):**  
Tuan Yang Dipertua, saya turut juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong suatu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bank 1973.

Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang yang berkenaan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang di hadapan kita kepada hari ini peranan bank terutama sekali bank asing dapatlah kita gunakan dengan sepenuhnya terutama sekali di saat-saat kita selama 7 tahun lagi dasar ataupun tempoh Dasar Ekonomi Baru kita akan tamat.

Jadi kita harap bahawa peranan bank terutama sekali bank-bank asing yang selama ini didapati bahawa kebanyakan daripada mereka lebih banyak mengutamakan keuntungan tanpa melihat dan tanpa memberikan bantuan kepada perkembangan ekonomi negara kita dengan secara langsung terutama sekali di dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Jadi izinkan saya sebelum saya meneruskan ucapan saya berhubung dengan pindaan ini memberi sedikit penjelasan kepada wakil dari Kota Melaka berhubung dengan pindaan ini memberi sedikit penjelasan kepada wakil dari Kota Melaka berhubung dengan issue BMF yang dibangkitkan

oleh beliau sekejap tadi. Jadi nampaknya wakil dari Kota Melaka ini tidak menerima hakikat didalam suatu perniagaan ini sama ada berniaga barang-barang runcit, sama ada berniaga di peringkat antara bangsa ataupun sama ada berniaga bank dan sebagainya kita mesti menghadapi risiko. Jadi BMF telah pun memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang disebutkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi. Ini bermakna kita telah menghadapi risiko dan saya sungguh harian mengapa wakil dari Kota Melaka tidak menerima hakikat bahawa BMF sebagai satu badan kewangan yang berniaga yang ingin mendapat keuntungan kita mesti menghadapi risiko dan oleh kerana perkara ini telah berlaku maka pihak BMF telah pun mengambil tindakan sehingga nyawa salah seorang daripada pegawai daripada BMF telah pun terkorban untuk menyasat perkara ini. Jadi saya tidak nampak mengapa Wakil dari Kota Melaka harus merasa cemas kerana penyiasatan masih dan sedang berjalan.

Tuan Yang Dipertua, selanjutnya izinkan saya mengkhususkan ucapan saya pada petang ini berhubung dengan peranan bank iaitu bank asing berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bank-bank yang terdapat di dalam negara kita ini terutama sekali bank-bank yang dipunyai oleh Kerajaan telah pun memainkan peranannya yang begitu aktif dan berkesan sekali untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, misalnya, Bank Bumiputra, Bank Pertanian, Bank Rakyat dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang telah diperkatakan oleh saya terdahulu tadi dan juga sebagaimana diperkatakan oleh Wakil daripada Ulu Trengganu tadi bahawa selama ini kita dapati kebanyakan daripada bank asing tidak memberikan peranan ataupun tidak memainkan peranan yang begitu positif terhadap

memberikan sumbangan kepada pembangunan negara kita dan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua, ada beberapa masalah yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan terutama sekali pelanggan-pelanggan yang datang daripada luar bandar sebagaimana diperkatakan oleh wakil Ulu Terengganu tadi. Saya memang bersetuju, kerana kita dapati bahawa golongan-golongan ini masih lagi ketinggalan terutama sekali kaum tani, kaum nelayan yang berada di luar bandar sama ada mereka itu di peringkat individu ataupun di peringkat koperasi kita dapati mereka ini masih lagi jauh ketinggalan dalam ekonomi di negara kita ini.

Jadi di masa-masa lepas mereka itu menghadapi beberapa masalah, misalnya, dalam Syarikat Jaminan Kredit (CGC) di mana sebagaimana diarahkan oleh Bank Bumiputra iaitu 10% daripada simpanan hendaklah digunakan di bawah skim CGC ini tetapi malangnya tidak semua bank-bank terutama sekali bank-bank asing begitu committed ataupun memathui arahan yang dikeluarkan oleh Bank Bumiputra itu. Jadi saya harap pihak Kementerian Kewangan melalui Bank Negara supaya bank-bank asing memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih berkesan lagi melalui CGC ini supaya dapat memberi kemudahan pinjaman kepada petani kecil, nelayan kecil sama ada di peringkat individu ataupun di peringkat koperasi dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mencadangkan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan supaya bank-bank dagang itu yang akan menyusun semula equitinya menubuhkan satu unit khas iaitu unit pertanian misalnya di tiap-tiap cawangan mereka supaya melalui unit itu mereka dapat memberikan pertolongan, memberi pinjaman kepada nelayan-nelayan, petani-petani dan peladang-peladang

di luar bandar, di dalam usaha-usaha mereka untuk meninggikan lagi daya pengeluarannya untuk menambahkan lagi produktiviti mereka supaya dapat menyaingi dan dapat bersama menikmati hasil pembangunan di negara kita ini dan dengan demikian dapatlah kita dengan sedikit-sebanyak mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mencadangkan supaya peranan CGC ini supaya diperluaskan lagi kepada bank-bank asing dan perkhidmatannya hendaklah diperluaskan juga ke luar bandar. Jadi saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini peluang akan terbuka kepada kaum bumiputra untuk memiliki saham di dalam bank-bank asing yang selama ini sebahagian besarnya dimonopoli oleh warganegara asing.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang sebagaimana yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan sekejap tadi.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

*5.09 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini yang sepatutnya dibangkitkan lama sebelum ini yang menjadi amat diperlukan ialah kemerosotan ekonomi negara kita, kekurangan imbalan negara adalah \$1,093 juta untuk tahun 1981 dan \$752 juta untuk tahun 1982. Tabungan asing pula telah mengalami kurangan daripada \$510 juta untuk Tahun 1981 kepada \$600 juta bagi Tahun 1982. Akuan semasa pula menunjukkan kurangan sebanyak \$8.6 billion dan terdapat suatu aliran modal keluar negeri yang teruk.

Fasal kedua Rang Undang-undang ini bertujuan memudahkan pindah milik urusan sesuatu bank yang akan disusun semula menjadi satu bank baru dengan cara penyusunan semula melalui satu skim pindah milik. Skim milik ini boleh membantu pengambilan bank-bank asing dengan teratur dengan tabungan asing negara kita yang mengalami kesulitan perolehan bank-bank asing dengan membabitnya tanpa rancangan dan memikirkan keadaan kewangan negara sematamata untuk memuaskan imosi masing-masing bukanlah sesuatu yang kita mampu.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak menekankan bahawa sekiranya tidak ada pindaan ke atas Rang Undang-undang sama ada undang-undang bank seperti yang kita sedang bahaskan ini ataupun pindaan ke atas Rang Undang-undang yang lain kita seharusnya membangkitkan Rang Undang-undang itu terlebih dahulu. Saya pun meminjam daripada rakan-rakan saya sahaja. Saya tidak dapat satu naskah, satu perbuatan yang tidak wajar.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya, Rang Undang-undang ini matlamatnya ialah membolehkan kita menghapuskan semua korupsi dan kerugian-kerugian yang tidak berpatutan yang dilakukan oleh bank-bank di negara kita terutamanya saya akan bagi contoh termasuk BMF dan Bank Bumiputra. Perolehan hakmilik bank-bank asing oleh orang-orang Malaysia sememangnya merupakan sesuatu yang patut dibanggakan. Kita tidak mahu bank-bank asing untuk memperdayakan dan mempergunakan kita walaupun tidak boleh dinafikan bahawa mereka mempunyai pengalaman urusan bank semenjak turun-temurun lagi. Selok-belok pengurusan bank adalah suatu yang menjadi rezeki mereka. Oleh kerana kemahiran serta kesedaran akan dunia kewangan mereka adalah begitu arif

memperlingkungan kepentingan sendiri sebelum Kerajaan dapat mencadangkan bagaimana pergabungan tempatan serta penyertaannya dapat dilaksanakan. Bank-bank ini sudah pun mengetahui akan kesan-kesannya. Inilah berlakunya dengan BMF di HongKong kerana di situ banyak orang yang mahir dan berpengalaman takut untuk memasuki Hong Kong dengan menaburkan wang lebih daripada \$1.7 billion. Orang lain yang takut, kita tak takut. Jadi kita tak memahami hal banking di Hong Kong.

Jadi, kalau maksud Rang Undang-undang ini untuk menghapuskan segala penyelewengan dan salah pengurusan serta korupsinya kita patutlah membenarkan Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini membahaskan perkara BMF dan Bank Bumiputra yang pentingnya, Tuan Yang Dipertua, saya hendak menerangkan keadaan. Jadi, modal Bank Bumiputra ini sebelum ditambah \$600 juta daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) ialah hanya \$600 juta modal — paid-up capital. Jadi, jumlah sekarang \$1.2 billion sahaja. Tetapi wang yang kita hilang itu melalui anak syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong lebih daripada itu. Inilah adalah satu yang sangat bahaya. Sebab itu saya merasa sedih, ada setengah Ahli-ahli Parlimen di sini berlagak sebagai berani-berani lalat sahaja. Jadi, tidak sedar keadaan yang serius, kalau berlaku dengan bank yang lain. Jadi, susahlah kita run on the Bank, dengan izin. Jadi, saya boleh tunjukkan akibatnya.

Misalnya, Tuan Yang Dipertua, sekarang ini pasaran New York — New York itu index. Angka tunjuk saham Dow Jones di pasaran New York telah meningkat ke 1,268.8. Satu paras yang paling tinggi di dalam sejarah Dow Jones di Amerika. Biasanya index pasaran saham di negara ini adalah mengikut aliran daripada New York, Amerika Syarikat dan negara-negara

perindustrian. Akan tetapi di pasaran saham Kuala Lumpur sekarang angka tunjuk saham industri adalah 617.8. Suatu kurangan sebanyak 8.34. Demikianlah buruknya keadaan ekonomi dan kewangan negara kita.

Salah satu faktor yang utama yang menyebabkan keadaan yang demikian ialah cerita BMF di Hong Kong. Sebab itu saya hendak menekankan bahawa sebelum kita mengambil langkah untuk melaburkan wang berbillion-billion ringgit kita seharusnya mempelajari dari kesalahan-kesalahan yang telah dibuat, jadi kalau kita risiko ini memang ada di dalam bidang perniagaan. Memang kalau satu dua ringgit boleh, kalau wang UMNO saja yang hilang, saya tidak ambil perhatian, tetapi wang rakyat, wang petani-petani dan wang daripada PETRONAS. Ini kita hendaklah mengambil perhatian, dan semua rakyat negara hendak mengetahui akan kebenaran.

Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa cawangan-cawangan bank asing di Malaysia akan digabungkan supaya 30% ekuiti akan dimiliki oleh orang-orang asing dan 70% oleh orang-orang tempatan. Kita seharusnya berwaspada supaya kita tidak terperangkap dengan tindakan terburu-buru. Dalam segala usaha kita dalam perolehan tempatan, kita mesti mempertimbangkan faktor-faktor ini. Pertama, pengaruhnya daripada tabungan asing. Kedua, implikasi-implikasi yang timbul daripada persetujuan bank-bank asing untuk digabungkan dengan kepentingan-kepentingan tempatan. Mungkinkah kita diperdayakan oleh kuasa kewangan asing ini seperti yang berlaku dengan BMF.

Fasal 3 menyatakan bahawa Bank Negara mengecualikan dengan atau tanpa syarat suatu bank berlesen daripada sekatan memberi pendahuluan, pinjaman atau

kemudahan kredit kepada mana-mana orang yang terdapat dalam Seksyen 26A Akta Ibu. Ia adalah perlu kerana Pengarah Bank yang mempunyai kepentingan di syarikat-syarikat lain berjumlah 5% atau lebih tidak akan dapat memberi pinjaman kepada syarikat berkenaan. Yang menentukan perkara ini adalah Bank Negara. Setengah pihak berpendapat bahawa syarat ini adalah terlalu serius dan keterlaluan, akan tetapi ada pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan yang menyalahgunakan kuasa dan melakukan kecurangan yang menjejaskan kepentingan-kepentingan bank dan rakyat demi kepentingan sendiri seperti yang telah berlaku dengan Bank Rakyat, dengan BMF, Bank Bumiputra.

Dengan pindaan ini pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan adalah diberi flexibility, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, yang lebih untuk meminjam dan menggunakan wang yang lebih. Bagi mereka yang jujur serta ikhlas, flexibility ini akan digunakan dengan baik akan tetapi unsur-unsur yang tidak berperikemanusiaan dapat juga menyalahgunakannya. Masalah yang pokok adakah Bank Negara mempunyai kemampuan untuk menentukan orang-orang yang layak dikecualikan seperti dinyatakan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Bank Negara adalah bertanggungjawab untuk segala perundangan urusan bank akan tetapi kita tidak boleh memainkan peranan pemburu dan penceroboh pada masa yang sama. Oleh itu satu Inspectorate Bank mestilah ditubuhkan untuk mengawal bank-bank individu. Jika Inspectorate ini dapat ditubuhkan, skandal-skandal seperti Bank Bumiputra Malaysia Finance, anak syarikat Bank Bumiputra yang setakat ini diselubungi dengan misteri di mana adalah dianggarkan bahawa lebih

daripada \$1.7 billion wang rakyat lenyap begitu sahaja mungkin tidak akan berlaku.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, walaupun ada hujah-hujah di Dewan yang mulia ini yang tidak setuju dengan pendirian dan pendapat DAP mengenai urusan bank termasuk cerita BMF itu, saya hendak menekankan bahawa pembisuan Kerajaan dan Bank Bumiputra semenjak November tahun 1982 sudah pun menjadi suatu tanda tanya di kalangan rakyat biasa dan bidang kewangan.

Sementara itu beberapa perkara utama meninggikan lagi syak wasangka rakyat. Walaupun mengikut Tuan Yang Dipertua satu kenyataan mengenai BMF akan diadakan, ini tidak memadai kerana kita tidak diberi peluang untuk membahar, untuk bertukar-tukar pendapat dan untuk menyelidiki sehingga kita mendapat kebenaran. Sekurang-kurangnya satu kertas putih dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu!

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James F. Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, tadi Ahli Yang Berhormat mengatakan BMF semenjak tahun 1882. Pada tahun yang disebutkan itu Ahli Yang Berhormat sendiri belum lagi dilahirkan. Sebenarnya tahun 1982.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tahun 1982. Jadi satu Kertas Putih seharusnya dibentangkan di Dewan yang mulia ini, bukan satu kenyataan sahaja untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan. Sementara itu dengan anihnya pada 26hb Jun, 1983 Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, minta duduk dahulu.

Izinkan saya menegur kerana Ahli Yang Berhormat sedikit demi sedikit menuju ke arah terkeluar daripada pokok perbahasan kita. Jadi, izinkan saya menegur. Sila teruskan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, kerana Rang Undang-undang ini maksud dan matlamatnya ialah untuk menghapuskan segala korupsi dan kerugian-kerugian yang tidak patut di dalam urusan bank. Saya beri contoh sahaja. Jadi sekurang-kurangnya kita hendak adakan satu kertas putih dan. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, masih juga berbalik kepada bentuk yang sedemikian rupa. Sila teruskan ucapan supaya berbalik kepada perkara pokok.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya terangkan tadi, untuk membolehkan Bank Negara menguruskan tugasnya mengecualikan dengan atau tanpa syarat satu bank berlesen daripada sekatan memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada mana-mana orang yang terdapat dalam seksyen tersebut, pentinglah kita adakan satu Inspectorate Bank untuk mengawasi dan mengawal bank-bank individu kerana setakat ini nampaknya walaupun Bank Negara berikhtiar untuk mengurus dan mengawal tetapi nampaknya tidak berjaya juga di setengah-setengah kesnya termasuk BMF.

Jadi kalaulah, Tuan Yang Dipertua, tidak setuju dengan hal ini cuma yang besarnya, kesalahannya BMF. Jikalau kita banding dengan Bank Rakyat, kesalahannya tidak begitu besar. Cuma wang yang terlibat. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, lagi Ahli Yang Berhormat menuju ke arah keluar daripada perbahasan pokok. Saya mintalah, jagalah supaya kita bahas apa yang pokok kepada masalah di Majlis ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, saya ulang lagi kerana Rang Undang-undang ini ialah matlamatnya untuk menghapuskan korupsi dan kelemahan-kelemahan serta kerugian-kerugian di dalam urusan bank. Jadi, akhirnya, saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan satu Kertas Putih ataupun menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Diraja untuk menyelidik akan hakikat BMF. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya minta Timbalan Menteri menjawab.

5.32 ptg.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, selain daripada berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan terhadap pindaan Akta ini, saya rasa tidak perlu saya beri jawapan-jawapan kerana apa yang telah saya kemukakan sewaktu pembentangan tadi sudah cukup dari segi alasan-alasan mengapa beberapa peruntukan-peruntukan baru perlu dibuat, di antara lainnya seperti saya katakan tadi, ialah peruntukan ini membolehkan sebahagian daripada mereka yang menduduki Lembaga-lembaga Pengarah ataupun mereka yang mempunyai saudara-mara rapat bekerja dengan bank tetapi tidak mempunyai influence yang tertentu untuk meluluskan pinjaman-pinjaman yang boleh membawa keadaan yang tidak baik, mereka ini diizinkan membuat pinjaman-pinjaman seperti yang dicadangkan di dalam pindaan-pindaan ini.

Berkenaan dengan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh supaya kadar faedah 10% dikenakan kepada pinjaman yang kurang daripada \$100,000 tanpa mengira harga rumah tersebut, saya rasa walaupun perkara ini ada baiknya, tetapi barangkali tidak perlu saya ulas

buat ketika ini kerana tujuan pindaan ini dibuat tidak ada kena-mengena pada waktu ini dengan kadar faedah seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, barangkali cadangan itu boleh dipertimbangkan di waktu dan tempat yang lain.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Kepong, rasa saya kebanyakan perkara-perkara yang dikemukakan tidak berkaitan dengan pindaan-pindaan Rang Undang-undang ini sehinggakan Tuan Yang Dipertua sendiri telah beberapa kali terpaksa membawa mereka ini kepada tajuk perbincangan.

Maka, dengan itu, Tuan Yang Dipertua, sekianlah jawapan saya terhadap perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3—*

5.37 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya harap boleh dapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri mengenai satu peruntukan di dalam Fasal-fasal ini di mana tujuan untuk restructuring di bawah Fasal 2-24A, Fasal kecil (3) ada peruntukan bahawa rancangan skim pindah milik usaha atau harta satu bank berlesen kepada satu bank berlesen lain perlu dibuat dan disahkan oleh Mahkamah Tinggi. Saya mahu tanya ialah kenapa perlu peruntukan di mana satu pengesahan Mahkamah Tinggi diadakan oleh kerana dalam semua penyusunan semula atau reorganization syarikat-syarikat nampaknya boleh dibuat tanpa disahkan oleh mahkamah. Sebab itu saya mahu tanyalah kenapa ada peruntukan bahawa harus disahkan oleh Mahkamah Tinggi barulah menjadi sah.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Timbalan Menteri beri penjelasan.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu tempat yang dimaksudkan tadi, saya tidak nampak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Seksyen 24 (2) yang berbunyi:

“24 (2). Sesuatu skim di bawah seksyen ini tidak boleh berkuatkuasa melainkan disahkan oleh Mahkamah Tinggi”

Kenapa perlu disahkan oleh Mahkamah Tinggi di mana semua lain syarikat apabila mahu reconstruct atau lain dengan persetujuan contract boleh dijalankan?

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, pengesahan Mahkamah Tinggi hanya diperlukan sekiranya perkara ini melibatkan, dengan izin, local incorporation, tetapi bukan bagi penyusunan semula, barangkali ada sedikit kurang faham Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka agaknya.

Tuan Pengerusi, perlunya perkara ini disahkan oleh Mahkamah Tinggi bagi local incorporation ini sebenarnya

ialah supaya menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan bank tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya tidak berapa puashati dengan penjelasan itu.

Mengenai sub-seksyen 3:

(3) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi pengesahan suatu skim di bawah seksyen ini hendaklah dibuat oleh pemindah milik dengan cara saman pemula ex-parte, dan seterusnya

(a) tarikh bila dan mulai dari mana skim itu akan berkuatkuasa dan tarikh itu bolehlah suatu tarikh yang lebih awal atau terkemudian daripada tarikh perintah itu dibuat;

Bukankah ini satu peruntukan untuk retrospective effect untuk skim ini, retrospective effect satu prinsip yang sangat melanggar semua konsep-konsep keadilan dan kenapa perlu, kenapa tidak order yang disahkan dan berkuatkuasa daripada tarikh order itu, kenapa mahu retrospective effect, bukankah ini pun dengan exhaustnya akan menimbulkan keadaan di mana orang ramai dan awam kepentingannya akan dijejaskan?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, ada lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya tidak nampak mengapa cadangan ini merupakan tidak adil seperti yang dikatakan oleh Ahli dari Kota Melaka. Saya fikir cadangan ini sebenarnya memanglah dengan tujuan untuk memberi peluang seadil-adilnya terutama sekali supaya sesiapa juga atau mana-mana bank yang ingin hendak restructure, dengan izin, bank dia tadi tidak mendapat treatment ataupun mengalami sebarang perkara-perkara yang

dianggap tidak adil. Saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat berkenaan memikirkan dengan adanya seksyen 24A, pecahan (3)(a) ini merupakan satu-satu peruntukan yang dianggap tidak sesuai di dalam perubahan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, apa yang telah. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, saya tadi telah bertanya sama ada Yang Berhormat ada lagi. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya tidak boleh benarkan. Yang Berhormat duduk dahulu bila saya bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta jawapannya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta duduk bila saya bercakap. Saya tidak boleh membenarkan supaya Dewan ini menjadi kecuah. Saya telah memberi sepenuh-penuh peluang kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka sehingga saya bertanya sendiri kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat ada lagi perkara-perkara tertentu supaya saya dapat menjalankan perbahasan dengan teratur. Jawapan Yang Berhormat tadi ialah Yang Berhormat tidak ada lagi perkara-perkara yang hendak dikemukakan, maka sebab itu saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, bila saya bercakap, minta duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tunggu.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Oleh itu Timbalan Menteri berkenaan telah menggulung, maka Fasal 1 hingga 3 menjadi sebahagian. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya apa yang saya. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Pengerusi. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah saya berdiri di atas point of order?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya minta duduk. Fasal 1 hingga 3 menjadi sebahagian. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang berdiri atas point of order dan di atas point of order, bila-bila saya boleh bangun. Tuan Pengerusi tidak boleh tahan saya, baca Peraturan Mesyuarat dan sekarang saya baca point of order. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya berdiri di atas point of order.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Keluarkan hujah Yang Berhormat habis-habisan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu sebut point of order dahulu dan selepas itu saya akan keluarkan hujah saya.

Tuan Pengerusi, Peraturan Msyuarat 37 dalam Bahasa Malaysia:

“37. Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali—

(a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu ahli yang sedang bercakap itu

hendaklah duduk dan ahli yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkannya buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan perkara itu kepada Pengerusi memutuskannya”;

Dan point of order saya ialah di bawah Peraturan Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa seorang ahli boleh berdiri daripada satu kali selain daripada ada satu perintah bahawa peraturan ini dikecualikan. Sesiapa ada kuasa untuk buang Standing Order ini ke bakul sampah?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya minta duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya mahu tanya ialah daripada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya bukan apa—mengapa dia takut. Mengenai kenapa peruntukan. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya teruskan?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** All right. Point of order, bahawa dalam Committee stage, Tuan Pengerusi. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya memberi amaran, saya terpaksa. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bercakap on a point of order pun tidak boleh?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya telah mendengar point of order Yang Berhormat tadi dengan baik, dengan diam, Yang Berhormat telah selesai membawa hujah-hujah. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya apa Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya minta duduk. Saya memberi amaran di bawah perintah Peraturan Mesyuarat 44 (2). . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Syabas-syabas.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana membawa Peraturan Mesyuarat No. 37 tadi, akan tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan ini, Jawatankuasa ini kepada Peraturan Mesyuarat 43 yang berbunyi demikian:

“43. Tuan Yang Dipertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu”.

dan saya baca Peraturan Mesyuarat ini bersama dengan Peraturan Mesyuarat 44 yang berbunyi:

“44. (1) Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.

(2) Pengerusi hendaklah memerintahkan siapa-siapa ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan serta-merta daripada Majlis Mesyuarat hingga habis persidangan pada hari itu, dan Bentara Mesyuarat hendaklah menjalankan apa-apa perintah yang diterimanya daripada Pengerusi menurut Peraturan ini”.

Jadi bagi meneruskan perjalanan mesyuarat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah saya memberi notis? Saya akan kemukakan substantive motion untuk kaji keputusan Tuan Pengerusi dalam dua hari.

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### KOREAN AIR LINES DI- TEMBAK OLEH SOVIET UNION — KECAMAN

5.54 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bercadang:

“Bahawa Dewan ini MENGECAM jenayah yang dasyat dan bersifat

pengecut yang dilakukan terhadap kemanusiaan oleh Soveit Union dalam tindakannya menembak jatuh secara kejam, buas dan “cold-blooded” sebuah kapal terbang jumbo Komersial Korea Selatan yang tidak bersenjata pada 1hb September, 1983 serta membunuh 269 penumpang yang berada di dalamnya termasuk seorang rakyat Malaysia, Siow Woon Kwong, berumur 23 tahun dari Muar yang sedang dalam perjalanan balik dari Amerika Syarikat setelah mendapat ijazah dalam bidang kejuruteraan letrik dan sains komputer;

MENUNTUT supaya Soviet Union membuat satu pengakuan tanpa syarat mengenai jenayah yang dilakukannya terhadap kemanusiaan serta meminta maaf dan membayar gantirugi sepenuhnya kepada keluarga 269 mangsa-mangsa berkenaan; dan membenarkan suatu suruhanjaya antarabangsa menjalankan satu penyiasatan yang tidak terbatas ke dalam jenayah tersebut serta juga menyerahkan anggota-anggota ketenteraan Soviet yang bertanggungjawab atas jenayah tersebut kepada satu tribunal jenayah antarabangsa yang ditubuhkan khas untuk maksud tersebut;

MENYERU Kerajaan mengharamkan semua kapal-kapal Aeroflot dan Soviet Union selama dua minggu sebagai membantah pembunuhan kejam dan buas Soviet itu yang merupakan satu ancaman merbahaya terhadap kedamaian dan kestabilan dunia”.

(Tuan Yang Dipertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, saya kemukakan usul ini oleh kerana sangat mustahak bahawa Parlimen sebagai Dewan tertinggi mewakili rakyat mencatat dengan rasminya perasaan mengutuk perbuatan Soviet Union pada 1hb September apabila Soviet

Union menjatuhkan sebuah jet Korea Selatan dan membunuh 269 orang yang ada dalam kapal terbang itu. Sungguhpun Soviet Union ada memberi sebab-sebab bahawa jet 007 itu ada memasuki ruang udara Soviet Union bagi pihak CIA untuk menjalankan kegiatan pentintip (espionage), tetapi saya rasa ini tidak boleh diterima sebagai satu alasan di mana boleh mempertahankan satu tindakan yang boleh disifatkan sebagai satu jenayah terhadap kemanusiaan atau "crime against humanity", kita tidak menerima sebab-sebab itu. Tetapi kalau kita menerima satu hypothesis ada berlaku jet 007 masuk ruang udara untuk mengintip pun tidak boleh menjustifykan action itu sungguhpun kita tahu Pulau Sakhalin dan Semenanjung Kamancha adalah kawasan-kawasan di mana installations Soviet tentera laut yang sangat sensitif di mana ada submerin yang ada dilengkapi dengan senjata-senjata nuklear tetapi itu sahaja menunjukkan bahawa Soviet Union sudah ke arah satu expansionism ketenteraan yang tentulah akan menjadi satu ancaman terhadap kestabilan dunia dan satu consequence ialah perkara peristiwa-peristiwa negeri ini dan kita dalam Malaysia ada terlibat bukan sahaja oleh kerana seorang anak Malaysia ada terkorban, seorang yang baru habis pelajarannya dan akan balik ke negeri ini untuk memberi perkhidmatan kepada pembangunan negara, tetapi oleh kerana peristiwa ini mengancam kestabilan dan keamanan Asia Pasifik.

Saya rasa sungguhpun Soviet Union sebuah superpower dan tidak hiraukan suara-suara rakyat, tidak hiraukan "public opinion" antarabangsa, saya rasa kita perlu memainkan peranan kita untuk memastikan Soviet Union dapat tahu sungguhpun Soviet Union sebuah superpower, ia tidak boleh ketepikan world opinion dan tidak boleh terus berlagak sebagai world gangster.

Dan sebab itu saya pun ada bercadang bahawa selain daripada mengeluarkan, melahirkan suara, perasaan mengutuk tindakan-tindakan dan tentulah sangat terhad diambil oleh kerana sangat mustahak bahawa apabila apa-apa super power membuatkan tindakan semacam ini dunia dan negara-negara lain menunjuk pendirian yang tegas khasnya apabila kita fikir pada bulan April Timbalan Menteri Luar Negeri Russia, Mikail Kapitsa, ada mengeluarkan ugutan-ugutan akan mengancam kedaulatan negara ini dan lain-lain negara ASEAN kalau Kerajaan tidak mengikuti fikiran-fikiran Soviet Union dan di sini saya mahu memuji agar parti-parti politik yang ada ambil pendirian yang tegas semacam UMNO Youth ada mengadakan rapat-rapat umum untuk memprotes, untuk mengutuk perkara-perkara semacam ini.

Sungguhpun saya tidak boleh faham kenapa apabila DAP Socialist Youth mahu ada demonstrasion, mahu ada rapat umum untuk mengutuk perkara yang ada berlaku pada 1hb September menjatuhkan sebuah jet South Korea, pihak polis tidak mahu beri kebenaran. Mungkin ada dua standards mahu demonstrate, mahu rapat umum, barulah UMNO Youth boleh ada. Lain-lain tidak boleh. Hak untuk demonstrate pun nampaknya sangat terhad kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan sahaja. Tuan Yang Dipertua, sungguhpun begitu, saya rasa. . . . .

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sebenarnya apa yang berlaku—ini satu penjelasan, Tuan Yang Dipertua—bukanlah tunjuk perasaan, perhimpunan secara aman dalam dewan dengan permit. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka nampaknya salah faham. Yang berlaku yang dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO itu bukan

perhimpunan, demonstrasi tetapi semata-mata perhimpunan dalam dewan dan mendapat permit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Apa yang saya sebut bukan mengenai perhimpunan-perhimpunan dalam dewan tetapi perkara di mana ada satu rombongan yang ada berkumpul di luar Kedutaan Soviet Union di mana ada demonstrasi-demonstrasi. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak begitu cepat, sudah lupa apa yang berlaku di luar Kedutaan Soviet Union. Itu demonstrasi, itu ada polis permit, kenapa DAP Socialist Youth tidak dapat. Mungkin Yang Berhormat Menteri sudah lupa, balik check rekod.

Tuan Yang Dipertua, dalam perkara ini saya rasa semua warganegara Malaysia tak kira apa parti, tak kira apa pendirian politik atas kepentingan negara, atas kepentingan kedaulatan Malaysia patutlah berdiri bersatu-padu dan sebab itu kita kemukakan cadangan ini dan pun cadangan bahawa menyeru Kerajaan mengharamkan semua kapal-kapal Aeroflot dan Soviet Union selama dua minggu sebagai membantah pembunuhan kejam dan buas Soviet itu yang merupakan satu ancaman merbahaya terhadap kedamaian dan kestabilan dunia.

Kita realistik, kita sangat realistik dan tahu bahawa kita tidak ada leverage untuk paksa Soviet Union untuk tunduk kepada kehendak-kehendak dan pandangan orang ramai (civilised committee of nations). Tetapi oleh kerana kita perlu ambil tindakan dan tidak sahaja diam terhadap apa yang tidak adil, apa yang tidak patut supaya perkara semacam ini tidak akan berlaku, saya fikir wajar bahawa negara kita pun menyertai usaha-usaha

lain-lain negara yang mahu menunjuk sikap yang mahu kutuk, protes dan bantah perkara-perkara semacam ini.

Itulah sahaja, terima kasih.

6.06 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Dalam kejadian di mana kapal terbang KAL ditembak jatuh saya dan rakan-rakan saya di sini dan rakyat Malaysia rasa marah dan mengutuk pihak Soviet Union dengan sekeras-keras.

Walaupun pihak Soviet Union memberi dalih, bincang di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun dengan kenyataan umum bahawa kapal KAL ini ialah kapal pengintip. Itu karut, tidak dapat diterima langsung.

Kita tahu Amerika Syarikat dan Soviet Union kedua-dua kuasa besar ini mempunyai satelit-satelit dan kapal-kapal pengintip yang mengelilingi dunia ini terutamanya di orbit Soviet Union dan di Amerika Syarikat dan kita pun tahu Amerika Syarikat mempunyai Boeing 707 dengan kelengkapan yang termoden yang boleh mengintip rahsia sama ada rahsia-rahsia tentera atau rahsia industri sama ada di Soviet Union ataupun di Amerika Syarikat. Kedua-dua kuasa besar ini mempunyai kemampuan tetapi Boeing 747 ini sebagai gergasi di dalam udara. Kita tidak boleh mempercayai bahawa Soviet Union tidak tahu dengan alat yang moden itu yang boleh mengesan siapa yang mencerobohi ruang udaranya. Sebab itu kita minta Soviet

Union meminta maaf supaya tiap-tiap negara di dunia ini dapat terjamin karier-karier (carrier) mereka, tidak dapat ditembak lagi oleh Soviet Union sebab dengan perubahan iklim dan perubahan tekanan udara dan sebagainya mungkin MAS kita, Jumbo Jet MAS kita pergi ke Tokyo itu melencong dengan tidak sengaja ke ruang udara Soviet Union, kalau ini berlaku kita hanya boleh berdoa pada Tuhan. Inilah yang saya dan rakan-rakan saya serta rakyat Malaysia tidak mahu berlaku ke atas kita.

Tuan Yang Dipertua, kita di Malaysia hendaklah mengadakan satu tindakan di mana kita menghalang tidak benarkan kapal-kapal Aeroflot memasuki dan mendarat di Lapangan terbang Antarabangsa Subang sehingga Soviet Union mengaku salah.

**Tuan Yang Dipertua:** Dalam usul dia kata selama 2 minggu, bukan sehingga Soviet Union mengaku bersalah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, itu satu cadangan dan ada pula dengan nyawa yang terkorban ini 269 orang. Mereka mempunyai ahli-ahli keluarga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mereka hilang sumai, hilang bapa atau hilang isteri atau ibu. Dengan ini patutlah Soviet Union memberi pampasan yang cukup kepada keluarga-keluarga yang bernasib buruk ini. Sepertimana yang kita boleh lihat pada tempoh hari di Negeri China berlakunya satu kemalangan di mana rakyat Malaysia terlibat. Di situ ada satu pampasan mengikut formula yang tertentu.

Saya hendak menanya mengapa Soviet Union tidak boleh memberi pampasan-pampasan mengikut peraturan dan formula yang saya sebutkan tadi dan saya berharap negara kita dapat membangkitkan hal ini di Bangsa-bangsa Bersatu. Saya mendapat tahu daripada suratkhobar tempatan Dato' Musa Hitam sedang

berada di dalam Amerika Syarikat dan mungkin hari ini sudah sampai kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Saya berharap pihak Kementerian Luar Negeri dapat memberi peringatan supaya membangkitkan hal ini di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun sudah dibangkitkan dan diternagkan oleh Timbalan Menteri Luar Negeri tadi bahawa Soviet Union telah menggunakan kuasa veto untuk memberhentikan usul terhadapnya, kita masih mempunyai peluang di Perhimpunan Agung ini dan kalau tidak silap saya Dato' Musa Hitam akan berucap sebagai pemidato yang keempat di Bangsa-bangsa Bersatu dan saya tidak tahulah bilanya—boleh saya tanya Timbalan Menteri Luar, Tuan Yang Dipertua?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat tidak pernah macam itu cara-caranya, sila teruskan Yang Berhormat. (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, untuk keadilan antarabangsa kita patutlah sebagai satu ahli yang sangat aktif di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita bangkikan soal Antartika yang sangat baik yang saya pun berasa bangga satu perkara yang sebagai Antartika dapat dibangkitkan oleh negara kita. Saya percaya hal KAL ditembak jatuh itu kita hendaklah menyuarakan dengan lantang di Bangsa-bangsa Bersatu bukan sahaja dari segi pampasan bahkan juga kita hendaklah mengadakan suatu International Enquiry yang saya cadangkan Malaysia membangkitkan hal ini. Kalau tidak silap saya tidak ada negara yang lain yang membangkitkan satu international enquiry untuk mendalami hakikat peristiwa yang malang itu dan inilah tepat pada masanya semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di sini satu perkara lagi saya hendak bangkitkan mengenai kegiatan KGB di negara ini. Soviet Union membangkitkan hal pengintip menuduhkan bahawa KAL sebagai kapal terbang mengintip.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini dibenarkan berucap selama 7½ minit melainkan dibenarkan masa yang lebih panjang oleh Tuan Yang Dipertua sendiri mengikut Peraturan 17 (3).

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu adalah mengenai adjournment motion dan adalah perkara yang lain. Nampaknya Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang Dipertua:** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, Peraturan Mesyuarat No. 17 (3).

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, saya takut barangkali betul itu adalah adjournment motion. Silakan!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, dengan perkara yang begitu penting kita tidak seharusnya bangkitkan 7 minit bahkan 70 minit pun pendek lagi. Jadi pihak Soviet Union menuduh kapal terbang KAL itu sebagai alat pengintip walhal ini yang saya sebutkan tadi karut tetapi, Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan pengintipan ini ada agen-agen KGB di negara ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua dengan perkara yang begitu penting, kita tidak seharusnya bangkitkan sekatan 7 minit, bahkan 70 minit pun pendek lagi.

Jadi pihak Soviet Union menuduh kapal terbang KAL itu sebagai alat pengintip. Walhal ini yang saya

sebutkan tadi adalah karut tetapi, saya yakin berhubung dengan pengintipan ini ada agen-agen KGB di negara kita. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengingati lagi dua tahun yang lepas, ada satu yang dinamakan penangkapan Sidiq Ghouse sebagai agen KGB.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang Dipertua, Tertib Mesyuarat 36 (1). Saya rasa soal yang mula hendak dimasuki oleh Ahli Yang Berhormat itu, rasa saya tidak kena dengan usul asal.

**Tuan Yang Dipertua:** Ya. Saya minta jangan keluar daripada perkara asal.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, saya hanya sebagai penyimpangan. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Penyimpangan tak mengapa, jangan pergi terlampaui banyak. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, saya hanya dari segi menyentuh keselamatan negara kita sebagai kuasa yang kecil jika dibandingkan dengan Soviet Union, kita haruslah sentiasa berwaspada akan kegiatan-kegiatan KGB di negara ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang Dipertua, iaitu mengenai tekanan diplomatik ke atas kuasa tentera Soviet Union yang sangat ketara dengan menggunakan alat-alat yang moden. Soviet Union boleh menembak sesiapa pun yang menceroboh ke atas ruang udara ataupun sempadannya. Tambahan pula di sekitar nusantara di Asia ini.

Aktiviti-aktiviti Soviet Union telah bertambah dengan memperolehi kubu-kubu ataupun bases, pengkalan-pengkalan di Kamran dan seluruh Vietnam. Kegiatan-kegiatan kekuatan tentera laut Soviet Union sangat nyata di sekitarnya dan kita seharusnya mengadakan tekanan diplomatik yang

lebih giat lagi ke atas Soviet Union terhadap kapal terbang KAL kerana ini satu pertunjukkan kuasa Soviet Union, satu lambang di mana Soviet Union menunjukkan bahawa ia lebih kuat daripada kuasa-kuasa yang lain termasuk Amerika Syarikat. Dan ini telah dibuktikan dengan terkorbananya nyawa 269 orang. Amerika Syarikat sama ada di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun di luar tidak dapat mengambil tindakan terhadap Soviet Union.

Inilah Soviet Union menunjukkan betapa kuatnya dengan gaya-gaya dan lambang-lambangnyanya. Sebab itulah kita sebagai negara yang mementingkan keamanan dan keadilan antarabangsa kita seharusnya berikhtiar untuk menambahkan usaha-usaha membawa tekanan diplomatik ke atas Soviet Union terhadap KAL.

Dan ada satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan keselamatan untuk pelancong-pelancong menaiki kapal terbang civilian airlines. Kejadian yang saya sebutkan tadi menambahkan kerumitan dan bahayanya kalau kita menaiki civilian airlines ke negara-negara yang lain terutamanya sama ada kita pergi ke Kanada—pernah berlaku dengan KAL juga di Kanada, sebuah kapal terbangnya ditembak oleh Soviet Union, sebab kapal terbang itu memasuki ruangan udaranya.

Jadi ini menunjukkan jika kita tidak terus mengambil tindakan terhadap Soviet Union kerana perbuatannya yang keji itu, keselamatan untuk menggunakan kapal terbang awam atau civilian airlines tidak dapat dijamin. Dan ada pula satu perkara yang terpenting iaitu kalau tidak silap

saya semasa berlakunya kejadian itu Amerika Syarikat sudah bersiap sedia untuk membalas dan itu kalau kita kira semua peperangan di dunia ini sama ada Perang Dunia Pertama ataupun Perang Dunia Kedua berlakunya kerana kemalangan, satu accident, Tuan Yang Dipertua. Dan ini KAL mungkin menjadi satu kemalangan di mana tercetusnya Perang Dunia Ketiga. Satu fikiran yang saya sangat takut kalau tercetusnya pada 1hb September, 1983 tercetusnya Perang Dunia Ketiga, hanguslah semua, mati musnah termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini. (*Disampuk*).

Tuan Yang Dipertua, kalau sanggup untuk keselamatan negara ini, Kepong dulu pun boleh juga (*Ketawa*). Saya pernah ada di dalam askar.

**Tuan Yang Dipertua:** Minta teruskan. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya menyokong usul yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya berharap negara ini terutama sekali Kementerian Luar Negeri dapat mengambil tindakan dengan lebih lagi untuk mengutuk Soviet Union dan di mana-mana sahaja forum antarabangsa kita bangkitkan hal ini seperti kita bangkitkan hal Antartika. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat masa sudah cukup 6.30. Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*